

Jilid IV
No. 46



Hari Rabu
28hb Februari, 1968

PERBAHATHAN PARLIMEN DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL KEEMPAT

PENYATA RASMI

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 6773]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1967 [Ruangan 6780; 6829]

Kepala² 101 dan 115 [Ruangan 6834]

Kepala 103 [Ruangan 6836]

Kepala 117 [Ruangan 6836]

Kepala 120 [Ruangan 6836]

Kepala 121 [Ruangan 6837]

Kepala² 122; 131; 132; 135; 137 dan 138 [Ruangan 6837]

Kepala² 140; 146; 147 dan 149 [Ruangan 6838]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² (Menguatkuasakan Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak² [Ruangan 6839]

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN
DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL) [Ruangan 6829]

PENANGGOHAN (USUL) [Ruangan 6872]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi

Hari Rabu, 28hb Februari, 1968

Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Pengangkutan, Y.B. TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Y.B. TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P. (Teluk Anson).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ TUAN NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).

- Yang Berhormat DATO' ABDULLAH BIN ABDUL-RAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K., J.P. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., K.M.N., A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMED (Kota Star Selatan).
- „ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).

Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
(Pasir Puteh).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).

„ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelevu-Jempol).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungei Patani).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S.
(Sarawak).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N.,
J.P. (Sabak Bernam).

„ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

„ TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).

„ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).

„ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).

„ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.
(Rembau-Tampin).

„ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).

„ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).

„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

„ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).

„ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).

„ TUAN HAJI SULEIMAN BIN ALI (Dungun).

„ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).

„ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).

„ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).

„ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).

„ DR TAN CHEE KHOON (Batu).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).

„ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).

„ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).

„ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

„ Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M.
TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).

„ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom,
Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN
(Kuala Pilah).

- „ Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ Menteri Kerajaan Tempat dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sukan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).

Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).

- „ DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN,
S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).

Yang Berhormat TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

- „ TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, J.P. (Alor Star).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).

„ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).

„ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).

„ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).

ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K.
(Sabah).

Yang Berbahagia TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.,
P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).

„ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

„ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).

„ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).

„ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).

„ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Meshuarat)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

UMOR BERSARA BAGI LEFTENAN-JENDERAL DAN JENDERAL

1. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pertahanan berapa umur bersara bagi Leftenan-Jenderal dan Jenderal.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peratoran 18, Federation Army (Retired Pay, Pension and Gratuity and Other Grants) Regulation, 1961, sa-orang pegawai sama ada Leftenan-Jenderal atau Jenderal itu bersara apabila umornya chukup 50 tahun. Walau bagaimana pun hal ini boleh-lah di-lanjutkan jika

di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menurut Peratoran 19.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, adakah benar berita dalam surat khabar sa-malam menyatakan bahawa Jenderal Tengku Osman akan bersara?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, dia telah memberi tahu saya, ia-itu dia berchadang hendak bersara bila chukup umur 50 tahun, ia-itu pada tahun hadapan, tetapi benda ini belum-lah di-rasmikan sebab belum dapat permintaan yang rasmi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada khabar² yang saya suka mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan, ia-itu apabila Jenderal Tengku Osman berhenti dia akan di-gantikan dengan satu Jenderal yang umornya lebeh daripada umur Jenderal Tengku Osman; yang saya tahu dalam negeri

kita ada tiga orang Jeneral sama ada full Jeneral, Leftenan-Jeneral atau Major-Jeneral, ia-itu Tengku Osman, Tan Sri Bidin, dan Dato' Ibrahim. Jadi

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan tambahan; itu cerita panjang.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Jadi yang saya hendak tanya ada-kah benar bahawa dia akan di-ganti oleh sa-orang Jeneral yang umur-nya lebih daripada yang bersara?

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan tambahan.

HELIKOPTER ALOUETTE ATUD JATOH TERHEMPAS—SEBAB²

2. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pertahanan:

- (a) apa-kah sebab² Helikopter Alouette ATUD terhempas di-padang kapal terbang ATUD Kuala Lumpur tatkala berangkat terbang;
- (b) apa-kah langkah beliau berchandang hendak ambil untuk menghindari Helikopter² Alouette daripada terhempas dan ada-kah dia bersetuju dengan saya supaya *semua* Pemandu Helikopter patut di-beri latehan dengan chukup sempurna sa-belum mereka di-beri hak memandu Helikopter, oleh kerana di-antara sebab² kapal² terbang ATUD terhempas baharu² ini ia-lah dengan sebab pemandu² kapal terbang kita tidak berpengalaman;
- (c) apa-kah yang menyebabkan "rotor blade" sa-buah Helikopter ATUD rosak manakala turun di-sa-buah pengkalan dalam hutan beberapa hari dulu.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ada-lah sa-buah helikopter TUDM, ia-itu Tentera Udara di-Raja Malaysia, jenis Alouette jatuh terhempas di-Pengkalan-nya di-Kuala Lumpur pada 8 Februari, tahun 1968. Satu Lembaga Penyiasatan telah di-tubuhkan untuk menyiasat kemalangan itu. Lembaga Penyiasatan itu belum-lah lagi memberi penyata-nya, dan oleh itu saya tidak dapat-lah hendak menerangkan

sebab² helikopter itu jatuh terhempas. Semua pemandu² helikopter telah di-beri latehan yang chukup sa-belum di-benarkan memandu kapal terbang tersebut. Sa-lain daripada itu, mereka itu di-kenakan dengan kebolehan atau proficiency test sa-panjang masa, walau pun mereka itu telah mempunyai kelayakan yang chukup. Langkah² yang patut saya telah ambil untuk menghindari helikopter² daripada jatuh terhempas dan langkah² yang lain ada-lah bergantung kepada pendapatan Lembaga Penyiasatan yang telah di-lantek itu.

Berkenaan dengan kerosakan rotor blade helikopter yang turun di-Klang beberapa hari dahulu, ini-lah satu kemalangan—kemalangan itu telah berlaku kerana kawasan di-gunakan untuk turun kapal terbang itu sangat-lah sempit. Jadi, sa-masa turun itu rotor blade itu di-sa-belah belakang helikopter telah tersentuh kepada belakang pokok kayu kecil, tetapi kerosakan itu ada-lah sedikit sahaja dan helikopter itu telah pun dapat terbang balek ka-Kuala Lumpur pada esok hari-nya.

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kerajaan akan menimbangkan supaya tidak membeli kapal terbang jenis ini, kerana selalu mendapat kerosakan ini?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kapal terbang ini-lah kapal terbang yang terbaik—Alouette, pembuatan Negeri Peranchis. Kemalangan kapal terbang ini ada-lah berlaku di-satu masa ka-satu masa kita tidak dapat elakan. Kalau di-bandingkan dengan tempat² lain kemalangan yang berlaku di-Tentera Udara di-Raja Malaysia, boleh di-katakan sangat kurang. Jadi, ini-lah bukan di-sebabkan kapal terbang itu tidak baik; seperti saya kata tadi kalau kita ada kapal terbang tidak dapat tiada-lah kemalangan yang akan berlaku dari satu masa ka-satu masa.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, jika salah satu sebab bagi kemalangan ini, ia-itu sempit-nya kawasan, kalau kesempitan kawasan itu menjadi salah satu sebab, ada-kah Kerajaan akan membesarkan lapangan terbang ini?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, lapangan kapal terbang itu akan di-perbaiki, tetapi kawasan itu sempit bukan-lah satu sebab² yang menjadikan berlaku-nya kemalangan ini. Yang saya kata sebab kawasan itu sempit, dan rotor blade itu terkena kapada satu kayu kechil. Jadi, kapal terbang helikopter ini boleh turun di-mana² di-gunakan kapal terbang itu, supaya kita boleh turun di-tempat² yang kapal terbang lain tidak boleh turun; kadang² atas rumah pun kapal terbang helikopter ini turun; di-hadapan halaman pun turun. Jadi, itu guna-nya kapal terbang helikopter.

BILANGAN RANCHANGAN TANAH L.K.T.P. YANG DI-TANAM DENGAN KELAPA SAWIT DAN GETAH

3. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar:

- (a) berapa buah ranchangan tanah L.K.T.P. yang telah di-tanam dengan
 - (i) kelapa sawit;
 - (ii) getah, dengan menyatakan berapa ekar luas jumlah tiap² satu jenis ranchangan itu; dan
- (b) berapa buah ranchangan yang telah mengeluarkan hasil.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, bilangan ranchangan² Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang di-tanam dengan kelapa sawit jumlah 16 ranchangan, dan jumlah luas ekar yang di-tanam ada-lah 58,343 ekar. Bilangan ranchangan² Lembaga Kemajuan Tanah yang di-tanam dengan getah berjumlah 51 ranchangan dan ranchangan² jumlah luas ekar yang di-tanam ada-lah 125,170 ekar. Sa-banyak 15 buah ranchangan² telah pun mengeluarkan hasil² pada masa sekarang.

MERENTIKAN RANCHANGAN MENANAM GETAH DALAM RANCHANGAN L.T.P.

4. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar

dengan merosot-nya harga getah sekarang, ada-kah Kerajaan berchadang hendak merentikan ranchangan menanam getah dalam ranchangan L.K.T.P. pada masa depan.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sa-laras dengan dasar Kerajaan hendak memperluaskan lagi jenis pertanian di-negeri kita ini, saya telah memberi arahan pada tahun 1966 kapada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan supaya di-kurangkan usaha menanam getah menumpukan usaha² kapada membuka² ranchangan² pembukaan tanah untuk kelapa sawit di-mana² tempat di-dapati tanah itu sesuai untuk menanam kelapa sawit. Dengan itu mula² dari tahun 1966, pihak Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan tidak membuka ranchangan² yang baharu bagi menanam getah. Semua tanaman getah yang di-selenggarakan dalam tahun 1966/1967 adalah chuma sambongan perengkat² ranchangan tanaman getah yang dibuka sa-belum tahun 1966. Ranchangan sambongan menanam getah ini akan berakhir pada hujung tahun 1968. Sehingga masa ini tidak ada ranchangan² baharu bagi menanam getah yang telah di-jalankan oleh Lembaga Kemajuan Tanah.

PENUTUPAN KILANG KEMEJA DI-PULAU PINANG

5. Tuan Tama Weng Tinggang Wan [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan:

- (a) ada-kah dia sedar bahawa kilang kemeja yang tunggal di-Pulau Pinang terpaksa di-tutup, menyebabkan kesusahan kapada pekerja² dalam perusahaan baharu ini;
- (b) kenapa-kah kilang ini di-tutup;
- (c) sa-takat mana-kah hal ini dipertalikan dengan kegagalan pihak Kerajaan hendak mendapatkan persetujuan quota yang memuaskan dengan Amerika Sharikat;
- (d) sa-takat mana-kah hal ini disebabkan oleh ta' chermat-nya ranchangan pengusaha² perusahaan ini; dan

(e) apa-kah ranchangan² Kementerian-nya bagi membantu perusahaan ini dan pekerja² kilang yang telah kehilangan pekerjaan.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun): Tuan Yang di-Pertua, kilang baju yang di-Pulau Pinang yang di-sebut oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak-lah di-tutup, tetapi hanya pertukaran oleh Sharikat itu kepada badan pengurus yang baharu, dan semua pekerja²-nya masih bekerja di-kilang tersebut.

Sebab yang sa-benar-nya mengapa kilang ini bertukar aleh tidak-lah di-ketahui, tetapi ada-lah di-perchayai kilang itu telah mengalami beberapa kesulitan yang mengakibatkan pertukaran pengurusan.

Pertukaran tangan kilang ini tidak-lah di-sebabkan kerana kegagalan Kerajaan tidak memperolehi kota yang memuaskan daripada Amerika Sharikat. Kilang tersebut ada-lah bergantung sa-mata² kepada eksport ka-negeri Amerika Sharikat dan hanya baharu² ini kilang itu telah mengambil perhatian kepada pasaran dalam negara ini.

Kementerian ini telah menasihatkan perusahaan kain tempatan supaya mengambil peluang yang penuh dalam pasaran di-negeri ini dan kemudian-nya Lembaga Penasihat Tarif telah pula mengadakan satu penyiasatan umum dalam bulan November, tahun 1967, guna memberikan perlindungan tarif kepada perusahaan² tempatan. Dalam pada ketika itu pula, sekatan bagi mengimpor telah di-kenakan.

KEMAJUAN PENANAMAN TEBU DI-PULAU PINANG PERTIMBANGAN KHAS

6. Tuan Tama Weng Tinggang Wan [di-bawah S.O. 24 (2)] minta kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan memberitahu Majlis ini ada-kah Kementerian-nya akan memberi pertimbangan khas kepada kemajuan penanaman tebu di-Pulau Pinang, di-kawasan² tebu pada masa dahulu, dan jika ya, sama ada surohanjaya khas yang telah di-bentuk untuk menyiasat kemungkinan² menubuhkan perusahaan gula akan di-arah supaya berunding

dengan Kerajaan Pulau Pinang mengenai perkara ini.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya ada-lah mengambil perhatian kepada menggalakkan menanam tebu di-kawasan² yang sesuai bagi-nya. Satu Jawatan-kuasa yang bagi perusahaan tebu yang telah di-lantek oleh Kerajaan Pusat ada-lah sedang mengkaji faktor² sama ada boleh di-tuboh perusahaan tebu ini sa-bagai satu perusahaan yang ekonomik bergerak maju di-dalam negeri ini. Faktor² yang di-kaji ia-lah keadaan chuacha dan tanah, modal perbelanjaan yang di-kehendaki, pendapatan yang di-perolehi dari modal yang di-tanam itu, pasaran² dan juga tanah yang boleh di-perolehi.

Dengan berasas kepada pengkajian ini, satu dasar yang luas bagi penanam tebu kelak akan di-sediakan oleh Kerajaan Pusat, sa-lepas itu ada-lah bergantung kepada tiap² buah negeri membuat keputusan di-dalam rangka dasar dan hasil penyiasatan dari Jawatan-kuasa tersebut.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) 1967

Menteri Muda Kewangan (Dr Ng Kam Poh): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan, ia-itu usul yang berbunyi seperti berikut, di-bawah nama Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya menurut Peratoran Meshuarat 67C di-serahkan kepada Jawatan-kuasa sa-buah² Majlis:

Bahawa Dewan ini menetapkan ia-itu wang tambahan berjumlah tidak lebih daripada \$12,100,220 di-belanjakan daripada Wang Kumpulan Pembangunan bagi tahun kewangan 1967, dan untuk melaksanakan tujuan² Kepala² dan Pechahan-kepala² yang terchatet di-ruangan pertama dan kedua dalam Penyata yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 7 tahun 1968, maka jumlah² yang bertentangan dengan Kepala² dan Pechahan-kepala² di-ruangan kelapan dan kesembilan itu ada-lah di-peruntukkan bagi tujuan masing².

(Dengan izin): Honourable Members will recall that the original Development Estimates for 1967 amounted to \$836.1 million. With the previous supplement of \$33.7 million approved

in August, 1967, the estimates have increased to \$869.8 million. For various reasons, as detailed in the Treasury Memorandum laid on the Table as Command Paper No. 8 of 1968, it is necessary to seek further supplement of \$12,100,220 as shown in the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1967. This will bring the total appropriation from the Development Fund for the year 1967 to \$881.9 million. Actual expenditure, however, is estimated to be in the region of \$680 million.

Of the additional provision of \$12,100,220 now sought, a sum of \$12 million is required under Head 121—Minister of Commerce and Industry, for the purpose of making a loan to the State of Penang to enable the State Government to meet the cost of acquiring land in Prai/Butterworth for the purpose of a new industrial estate. A sum of \$100,010 is required for the Department of Statistics to supplement the provision for transport and travelling connected with statistical surveys under the Malaysia Plan. Most of the remaining items are merely token votes to sanction the creation of new sub-heads, or the revision of the total estimated costs of schemes or projects. As the reasons for seeking the additional provisions have been given in some detail in the Treasury Memorandum, I do not wish to elaborate further on the need for this supplement. The Ministers concerned will give further explanations, where necessary, when the Estimates are discussed under the various Heads. Sir, I beg to move.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, bahagian yang terbesar didalam peruntukan Pembangunan Tambahan ini ia-lah bagi Kementerian Perdagangan dan Perusahaan yang berjumlah \$12 juta, ia-itu yang di-minta bagi membuka tapak perusahaan di-Pulau Pinang.

Saya ada-lah menyokong peruntukan ini, Tuan Yang di-Pertua, dan saya percaya bahawa dengan usaha di-jalankan oleh Kementerian oleh pihak Kerajaan bagi membuka dan membanyakkan kawasan perusahaan ini,

ada-lah satu usaha yang sihat yang akan dapat memperluaskan perusahaan negara kita ini dan meluaskan kemajuan dan peluang² kerja pada warga-negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membuka tapak² perusahaan dan memperluaskan perindustrian dalam negara kita ini, maka ada-lah satu perkara yang saya suka hendak menarek perhatian bahawa sentiasa ada di-dalam pandangan Kementerian yang berkenaan, ia-itu tujuan yang besar dalam negara kita ini bagi membentok sa-buah masyarakat yang adil dan ma'amor, sa-buah masyarakat yang memberi peluang dan kesempatan yang saimbang kepada semua golongan. Dalam perkara ini maka menjadi tujuan Kerajaan bagi menchiptakan suatu ekonomi yang saimbang, dan segi ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang saya minta dan suka menarek perhatian supaya tujuan ini sentiasa ada dalam pandangan dan pelaksanaan Kementerian yang berkenaan.

Segala ranchangan usaha di-jalankan dalam bidang ekonomi mesti-lah tidak lari daripada tujuan bahawa ranchangan usaha ekonomi itu, ia-lah pertama untuk mema'amorkan negara dan kedua ia-lah untuk menchiptakan suatu sistem ekonomi yang saimbang bagi semua golongan ra'ayat dalam negeri ini.

Saya ada mendengar berita, Tuan Yang di-Pertua, Pusat Perusahaan seperti di-Petaling Jaya yang sedang merchup dengan bermacam² kilang pada masa ini ada di-untokkan sabahagian ruangan kawasan itu kepada perusahaan kilang untuk bumiputra. Bahagian yang sedikit itu, Tuan Yang di-Pertua, jikalau berita yang sampai pada saya itu benar, tidak habis semuanya di-ambil oleh bumiputra, dan pada masa ini sedang di-adakan perundingan untuk menyerahkan kawasan itu kepada MARA supaya dapat di-usahakan bagi memenohi kawasan yang di-untokkan itu.

Saya tidak tahu kenapa bahagian yang di-untokkan kepada bumiputra itu yang sunggoh tidak luas kawasan-nya tidak habis di-ambil oleh bumiputra. Ada-kah kerana kekurangan

modal atau kerana baharu lagi pengalaman bumiputra ini dalam bahagian perusahaan? Tetapi barangkali salah satu sebab yang menjadikan sa-tengah² kaum pengusaha daripada bumiputra tidak dapat mengambil kawasan perusahaan Petaling Jaya itu ia-lah kerana kata-nya syarat² yang di-kenakan untuk mengambil kawasan itu. Syarat² yang di-kenakan itu tidak ubah, bahkan sa-rupa dengan syarat² yang di-beri kepada pengusaha² besar daripada orang² yang telah lama berpengalaman dalam perusahaan dan dalam industry, maka oleh sebab itu terasa kesukaran-lah bagi pengusaha² bumiputra yang baharu belajar berenang dalam perkara ini untuk mengambil kawasan itu dan sebab itu-lah kawasan itu tidak habis di-ambil.

Tuan Yang di-Pertua, di-sini-lah saya merasa terletak-nya peranan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan yang pernah di-persoalkan dalam Dewan ini dalam membantu ekonomi dan perusahaan bumiputra. Jikalau ada jalan bagi memudahkan bumiputra menjalankan perusahaan dan membuka tapak perusahaan maka patut-nya di-beri pertimbangan dan perhatian bagi memberi kemudahan kepada kaum bumiputra untuk mendapat kemudahan bagi mengambil tapak² kawasan perusahaan yang di-khaskan kepada mereka itu. Tetapi, jikalau Kementerian Perdagangan dan Perusahaan hanya bersikap keras, bersikap memandang dari segi kurang pengalaman yang ada pada bumiputra itu sa-hingga tidak memberi sedikit kelonggaran pun bagi membolehkan bumiputra itu membuka kawasan perusahaan ini, maka erti-nya Kementerian Perdagangan dan Perusahaan tidak memainkan peranan yang penoh dalam membantu dan menolong bumiputra membuka perusahaan sendiri. Maka ini-lah perkara yang menjadi tanda-tanya dan perkara yang di-harap sangat kepada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan supaya memainkan peranan dengan lebih aktif, dengan lebih simpati dalam memberi bimbingan kepada bumiputra memasuki perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Kementerian Perdagangan dan Perusahaan

meletakkan beban ini kepada MARA, dan mengatakan MARA telah mengambil peranan untuk melateh bumiputra dalam perusahaan dan dalam pembangunan ekonomi ada-lah tidak cukup, kerana dalam perkara umpama-nya untuk tapak perusahaan ini, ini ada-lah perkara yang di-dalam tanggungan Kementerian Perdagangan dan dalam kuasa Kementerian Perdagangan dan Perusahaan untuk membuka jalan yang lebih mudah, yang lebih memberi perangsang, yang lebih memberi pertolongan untuk membuka lorong dan jalan bagi kaum bumiputra membuka perusahaan. Jikalau Kementerian Perdagangan dan Perusahaan hanya mengatakan bahawa Kementerian itu bersedia untuk membantu kaum bumiputra dalam perdagangan dan perusahaan tetapi habis sa-takat akuan di-mulut sahaja, maka kita tidak akan sampai ka-mana, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, oleh sebab itu saya suka-lah menarek perhatian Kementerian Perdagangan dan Perusahaan supaya memberi lebih² perhatian dan menentukan peranan-nya dengan tegas dan terang chara bagaimana Kementerian ini akan dapat menolong bumiputra dalam perusahaan dan perdagangan, kerana kita telah jelak dan jemu, Tuan Yang di-Pertua, mendengar hanya akuan² mulut, akuan² lidah, ikrar² kosong sahaja yang di-buat dalam perkara ini. Masa kita, Tuan Yang di-Pertua, masa tidak menolong kita sa-makin lama kita berjalan dengan tidak ada usaha yang sunggoh² di-buat dalam perkara ini, maka akan sa-makin rugi masa depan negara kita kerana kedudukan keselamatan masa hadapan negara kita ini tergantung sa-bahagian besar-nya kepada mencapai matlamat yang besar bagi negara kita ini ia-itu-lah mewujudkan suatu ekonomi yang sa-imbang daripada semua golongan ra'ayat. Jikalau ini tidak terchapai dan usaha yang sunggoh² tidak di-jalankan, dengan rancangan yang terator di-buat, maka saya merasa bimbang kepada masa depan negara kita.

Tuan Pengerusi, ada sa-tengah² golongan orang yang tidak suka di-sebut bumiputra dan bukan bumiputra

termasuk Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Ahli Yang Berhormat dari Batu dan orang² yang lain. Saya sendiri selalu di-tegor oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong baharu² ini bahawa saya ini selalu berchakap menyebut bumiputra dan bukan bumiputra. Tuan Yang di-Pertua, yang sekarang ini yang di-sebut sa-bagaimana bumiputraism ini bukan satu perkara yang merupakan dasar beda membeda kepada suasana kita di-Malaysia ini—bumiputraism ini merupakan ekonomi yang sa-imbang, bahawa untuk menchapai ekonomi yang sa-imbang, segala lapangan, segala usaha, segala saloran, segala jalan harus di-beri kepada bumiputra supaya dapat mereka menchapai satu status, satu taraf ekonomi yang agak sa-imbang dengan orang² yang lain yang telah lebeh maju ekonomi mereka itu. Soal bumiputra dalam context Malaysia ia-lah soal ekonomi, soal kedudukan ekonomi yang sa-imbang, soal untuk menjamin stability politik masa hadapan, maka ekonomi yang sa-imbang itu mesti di-ujudkan dengan tidak dapat tidak.

Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, orang yang anti-bumiputra atau yang anti-bumiputraism ini ia-lah merupakan political adventurism, political opportunism, ini sikap yang berupa tidak berchorak Malaysia, sikap yang un-Malaysia. Oleh kerana untuk menchapai kedudukan Malaysia yang baik, Malaysia yang adil, Malaysia yang makmor, Malaysia yang baik, yang lohor, maka mesti di-chapai ekonomi yang sa-imbang. Dan sa-lagi ekonomi yang sa-imbang ini tidak di-chapai, maka perchaya-lah keselamatan masa hadapan kita itu tidak boleh terjamin, maka untuk membentok Malaysia yang kita kasehi, yang kita chintai, maka mesti di-beri segala pertolongan, segala jalan bagi bumiputra menchapai taraf ekonomi yang sa-imbang dengan orang yang bukan bumiputra, maka dalam context Malaysia ini bumiputra mesti di-perjuangkan, bumiputra mesti di-bela, bumiputra mesti di-tinggikan taraf-nya untuk menchapai suatu taraf, suatu chorak Malaysia yang betul² Malaysia, yang semua-nya merasa puas hati dan tidak ada merasa dendam, rasa irihati, rasa bermusoh²an, rasa

bertelagah, rasa di-tindas dan rasa menindas. Ini ada-lah kunchi kepada segala keadaan politik kepada segala kesentosaan dan kebahagiaan yang kita chintai ini bagi negara kita Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap tentang perkara ini kerana terlalu banyak sekarang ini perkataan² yang sa-olah² suatu perkara yang salah bagi sa-orang itu membela kedudukan bumiputra, sa-olah² bahawa Malaysian Malaysia yang di-katakan Malaysia untuk orang Malaysia itu tidak boleh di-chapai sa-lagi di-tonjolkan soal bumiputra dan bukan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menchapai Malaysia bagi orang Malaysia, Malaysia yang adil kepada semua orang Malaysia, maka bumiputra mesti di-bela, maka bumiputraism mesti di-tonjolkan kahadapan supaya dengan demikian baharu kita dapat menchapai kelak Malaysian Malaysia, Malaysia untuk orang Malaysia, Malaysia yang adil kepada semua golongan ra'ayat yang ada di-bumi Malaysia ini.

Saya tidak mahu dalam keadaan suasana politik yang baik, harmony di-antara kaum yang baik di-negara kita ini, persefahaman yang baik di-antara semua kaum yang ada di-dalam negara kita ini timbul bisol—bisol dihati orang² Melayu—bumiputra yang mengatakan sunggoh orang² yang bukan bumiputra yang tidak tahu berterima kaseh. Kami memberikan sama hak politik kepada mereka, kami beri peluang untuk sama membawa negara ini sa-bagai warganegara yang bertaraf sama, tetapi sampai kepada had hendak menchapai kedudukan ekonomi yang agak sa-taraf dengan semua golongan ra'ayat yang lain, mereka chuba hendak menekan, mereka chuba hendak mengelak dan mereka hendak membolot semua sa-kali, dan ini akan menimbulkan suasana politik yang sangat tidak baik yang akan membahayakan, yang akan meletus, yang akan explode pada masa yang akan datang.

Ekonomi yang sa-imbang ini akan memberi jawapan kepada semua masalah kita, masaalah pelajaran. Bila ada ekonomi yang baik, soal pelajaran akan selesai dengan sendiri-nya, dan

akan tidak ada lagi yang mengatakan kami anak² luar bandar tidak mendapat kesempatan pelajaran sa-bagai anak² di-bandar. Jikalau ada keadaan ekonomi yang sa-imbang, siapa sahaja boleh dapat kemudahan untuk memberikan pelajaran yang baik kepada anak² mereka; soal ekonomi dan soal politik, ketiga² soal besar ini akan terchapai dan akan dapat di-selesaikan dengan terchapai-nya ekonomi yang sa-imbang bagi negara kita ini. Maka sebab itu, saya merasa orang² yang anti-bumiputra, orang² yang tidak suka di-tunjokkan perkataan bumiputra ini, orang² yang tidak suka Malaysia ini bahagian, orang² yang un-Malaysian attitude-nya, sikap-nya yang un-Malaysian, sikap yang tidak berchorak Malaysia yang akan merugikan Malaysia sama sa-kali. Maka sebab itu-lah saya berharap bahawa suasana yang baik, persefahaman yang baik yang ada pada semua kaum di-negara kita ini akan dapat di-perlebeuhkan lagi dengan kita terus menjalankan rancangan bagi memberi segala kemudahan bagi bumiputra dalam lapangan ekonomi dan lapangan perusahaan. Hanya ini-lah sahaja jalan yang terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga hendak memuji peranan yang telah dijalankan oleh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ini dalam lapangan ini, umpama-nya pada masa sekarang ini sa-buah Sharikat Permodalan Kebangsaan telah di-tubuhkan semenjak beberapa tahun yang lalu yang di-tubuhkan dengan anjoran Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ini sendiri. Ini satu peluang yang pertama sa-kali yang di-beri kepada bumiputra untuk berkechimpong dalam dunia perusahaan dan dunia perdagangan. Jadi, perkara² yang seperti ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang patut di-jalankan, yang patut di-tambah dan patut diperbesarkan dan patut di-luaskan. Dengan chara bagini sahaja-lah, Tuan Yang di-Pertua, maka kita akan menchapai kepuasan hati bagi semua pihak dan semua golongan dalam negara kita ini dan dengan ini sahaja-lah kita mengelakkan daripada *time bomb* yang merbahaya akan meletup pada satu masa yang kita tidak tahu, pada satu

masa yang akan datang dalam lapangan dan dunia politik dan pergolakan politik di-negara kita ini.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan sokongan kepada usul ini di-mana telah di-minta wang sa-jumlah \$12 juta untuk Tambahan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1967.

Berchakap dalam soal pembangunan ini saperti yang telah sama kita ikuti ucapan Ahli Yang Berhormat sahabat saya dari Kuala Trengganu Utara dalam soal pembangunan yang hendak kita kemukakan sa-telah kita menchapai kemerdekaan lebeh daripada 10 tahun ini, ia-lah soal² pembangunan masha-rakat dari warganegara kita ini. Istilah orang sekarang di-dalam membahagikan masyarakat di-Malaysia, ia-lah istilah "haves" dengan "have-nots", erti-nya satu kumpulan manusia atau kumpulan masyarakat di-Malaysia yang mempunyai dengan satu kumpulan masha-rakat di-Malaysia yang tidak mempunyai.

Kita tidak hendak menekankan soal² perkauman, soal² siapa-kah orang-nya yang mempunyai itu dan yang tidak mempunyai. Tetapi sudah menjadi suatu hal yang terang, menjadi satu rahsia umum di-dalam negara kita ini bahawa yang tidak mempunyai itu ia-lah di-istilahkan dengan kalimah sekarang ini dengan bumiputra dan yang mempunyai di-dalam negeri ini di-istilahkan dengan orang yang bukan bumiputra.

Mahu atau tidak mahu di-dalam kita menyentuh soal pembangunan masyarakat daripada bentuk kewarganegaraan Malaysia sekarang ini terdapat satu jurang yang memisahkan, jurang yang menjadikan masyarakat Malaysia ini berpisah, satu pihak mempunyai dengan satu pihak lagi tidak mempunyai dan chara kebetulan pula yang tidak mempunyai ini ia-lah daripada bumiputra yang duduk di-dalam kawasan² luar bandar, dan orang² yang mempunyai ia-lah orang yang bukan bumiputra yang duduk dalam kawasan² bandar.

Untuk mengsaibangkan kehidupan masyarakat yang harmony dan dapat

kita mengekalkan perdamaian di-dalam sa-buah negara demokerasi saperti Malaysia ini, maka persaimbangan kedudukan masharakat di-antara dua gulongan ini oleh Kerajaan yang di-pilih oleh ra'ayat, mesti-lah mempunyai dasar² yang konkrit. Bagaimana kita harus melenyapkan perbedzaan ini, bagaimana kita harus menimbus, menimbun jurang² yang memisahkan di-antara dua gulongan ini. Sa-lama kita tidak dapat meratakan kedudukan ini, maka sa-lama itu keamanan dan kedudukan negara kita terdedah kepada anchaman, bukan sahaja anchaman itu daripada orang bumiputra, tetapi anchaman itu akan datang daripada orang yang tidak mempunya, sama ada dia bumiputra atau tidak bumiputra yang jumlah-nya lebeh banyak bumiputra akan timbul perasaan² yang akan lebeh mendalamkan jurang² pemisahan di-antara warganegara kita ini.

Pada satu masa dahulu kita pernah mendengar di-dalam Kementerian Perdagangan dan Perusahaan menubuhkan Malay Secretariat yang urusan-nya ialah untuk menolong memberikan nasehat, memberikan panduan kepada bumiputra bagaimana mereka itu dapat hidup, bagaimana mereka itu dapat melayakkan diri-nya sa-taraf dengan orang² yang telah maju, yang chara kebetulan bukan bumiputra, tetapi shukur bahawa Secretariat ini telah gagal. Saya katakan shukur, oleh kerana saya nampak Secretariat ini tidak dapat membuat sa-barang usaha yang konkrit bagi melenyapkan apa yang saya sebutkan perbedzaan atau gap di-antara dua gulongan itu, maka di-ambil-lah aleh oleh satu badan yang lain. Sa-telah di-adakan satu Kongres Bumiputra di-mana Kongres Bumiputra itu terdiri daripada gulongan² bumiputra yang intelek, yang ahli ekonomi, ahli² kebangsaan, ahli² yang chinta kepada perdamaian ini menimbulkan masalah² bagaimana kita harus menyamakan keadaan yang tidak sa-imbang di-antara dua gulongan ra'ayat Malaysia ini. 69 keputusan yang telah di-ambil, dan nama RIDA itu di-tukarkan sesuai dengan keadaan dan kehendak daripada bumiputra dengan nama Majlis Amanah Ra'ayat (MARA). Dan dengan itu berjalan-lah sa-langkah demi sa-

langkah untuk membetulkan kepincangan² ekonomi dalam negara ini.

Oleh kerana negara kita ini mempunyai dasar free enterprise kepada orang² yang mempunyai modal, sama ada di-dalam negeri ini atau yang datang daripada luar negeri untuk membena sa-banyak²-nya kilang, atau sa-banyak²-nya factory yang boleh menguatkan dan mengukuhkan perekonomian negara kita, maka di-samping itu kita berharap dengan ada-nya factory² dan kilang² yang besar² itu akan dapat menampong sedikit sa-banyak-nya keadaan dan kesusahan hidup bagi ra'ayat yang saya katakan tadi ra'ayat yang tidak mempunya, tetapi saya tidak mahu membuat sa-barang tuduhan, tetapi kalau kita berasa jujur kepada diri kita sendiri kita mengaku² sa-suatu yang benar. Kalau kita periksa buroh² yang bekerja di-dalam kilang itu oleh pengusuha² sama ada ini boleh kita katakan tanggung-jawab-nya kepada Jabatan, atau Kementerian Buroh, atau pun Kementerian Perdagangan maseh kita dapat buroh² yang bekerja di-situ bukan warganegara dan maseh menggunakan kad² merah yang bukan warganegara. Mereka mendapat tempat hidup dalam negeri kita ini dan mereka sa-tengah²-nya dapat tanah, di-benarkan memileki tanah, di-benarkan memileki rumah, di-benarkan berniaga dengan begitu mudah sa-kali. Lesen² untuk mereka itu berniaga di-berikan dengan begitu mudah. Maka dengan ada-nya yang bukan warganegara yang telah merompak dan menchuri hak bumiputra atau hak warganegara yang tidak mempunya, maka nyata-lah oleh kita bahawa negara kita ini terlalu demokerasi sa-hingga warganegara makan kuah, dan yang bukan warganegara makan daging. Ada-kah tidak kita mempunyai satu dasar untuk memperbaiki kedudukan ini. Saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, yang bukan warganegara yang telah dudok dalam negeri ini bertahun² 10 atau 15 atau 20 atau 30 atau 40 tahun maseh lagi mengaitkan kechintaan-nya kepada negara asal-nya dengan tidak mahu menjadi warganegara, tetapi mahu mendapat stall untuk berniaga, mahu mendapat tanah untuk membuat rumah, mahu mendapat pekerjaan, mahu segala²-nya

kekayaan itu di-kumpulkan dan diambil oleh mereka merampas hak warganegara, tetapi mereka tidak mahu menjadi warganegara tidak mahu sama sa-kali hendak menetap dan hendak memutuskan ta'at setia-nya kepada negara asal-nya dan meletakkan ta'at setia-nya kepada negara di-mana dia menchari makan, menchari minum, mendapat pelajaran dan pendidekan mendapat kekayaan di-dalam negeri ini sendiri.

Sa-bagai chontoh-nya, sa-buah negara yang kechil, yang termuda dalam kawasan kita ini ia-itu Republic Singapura. Republic Singapura telah chuba memperbaiki perimbangan hidup diantara warganegara dengan orang yang bukan warganegara di-Singapura. Tuan, sendiri sedar sa-telah sahaja Singapura di-beri untuk berkuasa sendiri 400 orang lebeh daripada yang bukan warganegara yang telah menyerahkan nyawa-nya untuk menjaga keamanan yang telah sanggup mati, tetapi bukan warganegara Singapura, dengan tempoh yang pendek 24 jam mereka di-halau ka-luar dari Singapura. Kalau kita pandang sa-kali imbas perbuatan yang di-lakukan oleh Kerajaan Singapura sa-bagai suatu penganiayaan kepada manusia, tetapi di-pandang daripada sudut kepentingan nasional di-Singapura hal ini mesti di-lakukan-nya, kerana kepentingan ra'ayat Singapura sendiri. Kalau Singapura boleh berbuat untuk kepentingan ra'ayat di-Singapura untuk kepentingan warganegara-nya sendiri, di-halau-nya keluar, dan sekarang ini akan berlaku berapa ratus, berapa ribu lagi yang bukan ra'ayat Singapura akan di-keluarkan. Kenapa kita di-Malaysia tidak sanggup berbuat demikian?

Di-dalam Jabatan Keretapi ini pun kita tidak dapat mewarganegarakan sahingga ra'ayat warganegara kita meminta², tetapi orang yang bukan warganegara yang tidak mahu patoh kepada negara ini sa-tahun chuti, dua tahun chuti, di-panggil—tidak datang; balek datang ka-sini sujud beri kerja kepada dia. Di-mana-kah pandangan kita terhadap warganegara kita yang tidak berpunya dalam negeri ini? Ini suatu hal yang patut kita ambil perhatian di-

dalam soal pembangunan masharakat di-negara kita ini dan soal pembangunan ekonomi negara kita supaya jangan terjadi sa-suatu yang kita semua tidak mengingini.

Chontoh yang kedua, ia-itu kemudahan² pelajaran di-Malaysia ini kita memberikan kemudahan pelajaran yang siapa sahaja mahu belajar—boleh, dengan tidak ada di-bezakan apa-kah dia warganegara atau tidak warganegara. Kadang² yang bukan warganegara itu mendapat kedudukan, mendapat kelonggaran, mendapat ilmu pengetahuan, tetapi chuba tengok di-Singapura yang bukan warganegara di-kenakan bayaran yang sa-tinggi²-nya dan yang warganegara di-beri pelajaran yang pembayaran-nya sa-rendah²-nya atau pun perchuma. Itu suatu jalan bagaimana kita hendak mengutamakan warganegara. Jadi, kalau sa-kira-nya kita dapat mula dari sekarang ini memikirkan soal yang saperti ini, memikirkan soal² bagaimana kita hendak mengutamakan warganegara. Saya sebutkan warganegara yang tidak berpunya ini, bukan-lah hanya bumiputra, tetapi tidak berpunya ini juga yang bukan bumiputra. Sa-tiap tahun kita akan mengeluarkan murid², pelajar², penuntut² yang beratus ribu banyak-nya dan mereka tidak mempunyai pekerjaan. Mereka tidak mendapat peluang, mereka tidak ada tempat untuk melanjutkan atau pun untuk menolong hidup-nya sa-telah mereka itu besar, dewasa dan sa-telah mereka itu tahu kepada kedudukan tentang Malaysia ini orang lain telah mendapat keuntongan yang lebeh daripada-nya; orang² ini-lah yang tidak berpunya, tetapi mempunyai pelajaran sa-banyak sedikit yang ini-lah yang terlalu mudah di-chuchok, di-berikan suatu doctrine apa yang di-namakan kominis-kah atau doctrine Mao Tze-Tung masukkan dalam kepala-nya—awak warganegara tetapi engkau melarat, engkau warganegara tetapi engkau meminta sedekah. Lihat orang yang bukan warganegara, lihat orang² kapitalis, lihat orang² yang datang daripada Hong Kong, dari Formosa, dari sana, dari Singapura mendapat tempat. Kenapa engkau tidak dapat. Soal ini akan di-bangun, di-bangkit, di-luap²kan dan di-nyatakan

dan akhir-nya akan meletus-lah peperangan di-antara *haves* dengan *have-nots* ini dengan sa-chara idea yang mereka lancharkan sekarang. Soal-nya, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini bukan-lah suatu perkara yang baharu kita ketahui. Kita telah melihat bagaimana orang² yang baharu membangun, kita lihat bagaimana negara² yang baharu merdeka, dan kita bershukor kepada Tuhan bahawa negara kita ini sa-buah negara yang aman. Keamanan negara ini di-sebab oleh orang yang *have-nots* ini, orang yang tidak berpunya ini berasa sabar, biar sabar, terutama sa-kali bumiputra sabar, dalam Khutbah kita nyatakan Innallaha ma'a sabirin—sabar-lah tuan, shurgalah yang tuan akan dapat dengan sabar. Tetapi sampai mana kesabaran ini dapat kita pertahankan. Sampai di-mana kesabaran ini harus kita pupok. Di-mana mereka mahu makan, mahu minum, mahu rumah, mahu isteri, mahu pelajaran, mahu pendidekan, mahu pembangunan, tetapi mereka tidak mendapat peluang; ka-mana mereka pergi.

Saya teringat, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam suatu sejarah dunia ini manakala sa-orang pahlawan telah menyeberangi selat untuk pergi ka-Gibraltar dan sa-orang pahlawan Jabal Tarek ini dia sampai di-sabersang Spanyol di-Andalus dia berkata kepada tentera² nya, kata-nya: "Wahai tentera² ku, lihat di-belakang kamu terbentang laut Mediterranean yang luas dan dihadapan kamu musuh yang memegang senjata yang lebeh besar daripada kamu. Kalau engkau lari, walau sa-langkah, maut akan menunggu dan kalau engkau maju walau sa-langkah, maut akan menunggu, kalau kamu mahu hidup sa-bagai pahlawan, maju terus—gempor musuh, jangan lari mati di-dasar lautan yang tidak ada ma'ana." Semangat ini di-kubar² sehingga mereka mendapat kejayaan. Akan timbul masalah ini, sebab sejarah akan mengulangi apa yang berlaku bertahun². Apa-kah kita akan membiarkan soal yang saperti ini berlaku? Kita sa-bagai wakil ra'ayat dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, hanya menyerah, hanya menyatakan ini dengan rasa dukachita

akan keadaan² sekarang walau pun kita bergembira dengan apa yang sedang kita buat. Kita telah perbuat, kita telah membangun, kita telah luluskan pembangunan sa-malam beratus² juta ringgit. Hari ini kita akan luluskan \$12 juta, dan kita telah memberi apa yang patut kita beri kepada ra'ayat, tetapi soal yang penting di-samping pembangunan² yang lain ia-itu perimbangan kehidupan di-antara ra'ayat di-Malaysia ini. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, manakala soal pembangunan ini di-minta di-dalam Dewan ini kami tidak ragu², dan saya sendiri, tidak ragu² untuk memberi sokongan, hatta pembangunan soal² ini di-minta sa-berapa besar sa-kali pun, kami akan memberikan sokongan, kalau tidak chukup tangan yang satu akan kami angkat tangan yang dua, kaki yang dua menyokong, tetapi dalam soal pelaksanaan jangan timbul masalah² *discrimination* di-antara ra'ayat yang "*haves*" dengan "*have-nots*".

Ini akan kita bertanggung-jawab kepada ra'ayat ini pada masa yang akan datang dan soal *discrimination* di-antara orang² yang *haves* dengan orang yang *have-nots* ini, bukan sahaja merupakan suatu diskriminasi tetapi suatu tindakan sabotase di-dalam melahirkan sa-buah negara yang adil dan ma'amor di-mana ra'ayat Malaysia berbagai² bangsa hidup aman dan tenteram dan kalau dengan sabotase ini di-lakukan, maka terserah-lah kepada Tuhan apa yang akan berlaku bagi negara kita. Terima kaseh.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan): (*Dengan izin*): Sir, I would like to support the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates for 1967, and I am glad that a sum of \$12 million is being provided by the Central Government to help the State Government to purchase an area of over two thousand acres in Prai near Butterworth for the industrial site. I feel happy, Sir, that many entrepreneurs have now been attracted to Butterworth and Prai, and signs of more and more industries coming to Butterworth and Prai are very bright. I feel, Sir, that this is really a change for the better, because when the Mak Madin industrial area was first launched, there were very

much doubts that the area would meet with much success, simply because advice and assistance were not available to those who wanted to put up factories there, and one of the first few factories that were developed in the area met with much delay, because I know that one (ACME) canning factory had to pay very large sums of money to have electric power connected to the factory. Things have now improved after the lessons that we have learnt from the past, and I hope, Sir, that in this new area that covers over two thousand acres, the State Government of Penang will pay particular attention to those who have come for enquiries for land and provide blueprints for every prospective entrepreneur to help them to plan their factories without delay and at the same time make all technical and other advice and assistance available to them on the spot.

Sir, in the development of Prai, I am told that a road is to be constructed, financed by Malayawata Steel and Caltex Company, to cut right across the Prai Customs village with a fly-pass over the railway crossing to join the road to Malayawata Steel and Caltex Company on the other side of the Railway compound. Sir, this road is to be constructed very near to the Khir Johari Primary School, and the children who attend this school come from Prai Town and they will have to cross this road to go to the school. I hope, Sir, that the State Government will consider building a sub-way for the safety of these children, because the traffic along this road will be very heavy and almost all traffic along this road will be heavy lorries.

Sir, I would also request the State Government to consider the noise that comes from the traffic along this road, as this would affect the boys studying in Khir Johari School. I suggest, Sir, that the State Government consider shifting a few classes of the school that is very near this road on to the far end of the main school building, so that boys studying in the school could concentrate more on their studies and do their lessons in more congenial atmosphere. As it is now, a few classrooms at one of the wings of the school

are so near to this road that the noise will affect the boys. I hope the Government will consider shifting this wing on to the other side of the school at the far end of the school building. Thank you.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong wang pembangunan bagi tambahan yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri Muda Kewangan. Saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, supaya saya sama mengambil perbahathan dalam Anggaran ini. Saya akan menyebutkan dasar² am berhubung dengan beberapa perkara yang mendatangkan kebajikan kepada negara kita.

Yang pertama, saya gemar menyatakan dalam bahagian pertahanan. Pertahanan ini—sa-bagaimana kita sedia ma'alum, dalam tahun 1971 Tentera² Inggeris akan undor daripada negeri kita ini dan satu usaha yang sedang di-buat oleh Kerajaan ini bagi mendapatkan pertahanan yang kokoh bagi negara² dalam daerah ini—apa yang saya hendak bangkitkan di-sini bahawa dengan pengundoran Tentera² British ini bagi pehak ra'ayat khas-nya orang Melayu memang-lah satu hasrat daripada dahulu supaya Inggeris ini keluar daripada kawasan ini. Saya sa-bagai salah sa-orang Wakil Ra'ayat mengalu²kan keluar-nya Tentera² Inggeris daripada daerah ini. Dalam pada itu, ada manusia yang kuatir dengan pengundoran Tentera² British ini dan telah mendatangkan berbagai² da'ayah yang menakutkan ra'ayat dan merunsingkan ra'ayat terutama sa-kali keterangan yang di-buat oleh Setia-usaha Parti DAP dan daripada Parti Buroh juga daripada Parti Islam sa-Tanah Melayu gemar mengungkit²kan berhubung dengan pertahanan negara kita. Saya harap Kerajaan akan memandang dengan chukup ketat kepada manusia atau pada parti² ini. Parti DAP telah mengatakan bahawa dengan pengundoran Tentera² British di-kawasan ini hendak-lah Kerajaan memberi taraf yang sama pada mempertahankan negeri ini pada semua ra'ayat; jadi mereka bermaksud supaya pengurangan askar² Melayu itu di-adakan, pada hal kita tahu bahawa

askar Melayu itu-lah yang menjadi teras pertahanan negara kita.

Sa-lain daripada itu, kita harap Perjanjian Pertahanan patut di-buat dengan Kerajaan Indonesia; ini ada-lah lanjutan pertahanan yang kita buat dengan Kerajaan ini berhubung dengan Perjanjian Kebudayaan dan Perniagaan.

Saya mengalu²kan-lah pemergian Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri yang akan berjumpa dengan Pemangku President Suharto bagi membuatkan lanjutan berhubung dengan perjanjian pertahanan, kalau boleh di-mana² tempat yang patut kita juga boleh dudukkan tentera Indonesia itu sementara mengganti tentera tempatan kita yang telah di-kosongkan oleh Tentera² British yang keluar daripada kawasan kita ini.

Saya suka juga menyentuh dalam hal keselamatan dalam negeri. Kita telah menerima berbagai² angkara yang di-datangkan oleh anasir² yang jahat dan telah lahir beberapa kekacauan dan rusohan. Tetapi, ada satu puncha yang boleh menyebabkan kekacauan ini berlaku dan rusohan ini berlaku, dan saya harap Kerajaan akan memikirkan pandangan saya ini, ia-itu kalau kita tidak basmikan masalaah ini, saya fikirkan akan berlarutan puncha tidak puas hati, atau pun sakit hati antara kaum² dalam negeri ini.

Kalau dahulu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah mengharamkan beberapa buku² dan pantun² yang berupa perkauman, ini satu perkara yang saya fikir patut di-kaji, ia-itu kita haramkan sebutan² yang selalu di-sebut oleh masharakat orang² Tionghua, orang² China—*Huan-kia*. *Huan-kia* itu ma'ana-nya, Tuan Yang di-Pertua, anak sakai—ini apa yang saya tahu. Perkataan ini pernah di-sebutkan oleh masharakat² China bila dia tengok orang Melayu dia kata *Huan-kia*—anak sakai. Jadi, perkataan anak sakai ini, patut kita hapuskan, kita gantikan; kalau orang² China hendak memanggil orang Melayu, boleh di-sebut *Malayan-nang* atau *Malaysian-nang*.

Tuan Yang di-Pertua: Itu dalam Kementerian mana?

Tuan Ahmad bin Arshad: Dalam Kementerian Keselamatan hendak mendapatkan keselamatan dalam negeri ini perkataan yang boleh menerbitkan pergadohan itu patut kita hapuskan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah melanggar batasan, sudah keluar daripada bahathan ini.

Tuan Ahmad bin Arshad: Ya, saya minta-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya berikan pandangan lagi.

Lagi satu, orang² China dalam negeri ini kita tidak usah sebut orang “China”, kita sebut orang “Tionghua”; jikalau orang India dalam negeri ini, kita tidak boleh sebut “keling”, keling kalau di-sebut dia bawa-nya kita ka-Mahkamah; kita ubah dia dengan orang “India”. Perkataan ini juga patut saya rasa di-fikirkan oleh Kementerian ini.

Kemudian satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Geh Chong Keat (Pulau Pinang Utara): Untuk penjelasan sadikit. Saya menyokong Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara. Jadi, orang yang diperanakkan di-dalam tanah ayer di-sini kita pun sudah di-kira masok bumiputra, bukan non-bumiputra. Terima kaseh, Tuan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan dalam masalaah pelajaran. Di-sini ada meminta kerana peruntokan Pelajaran dan Sokan. Saya memikirkan sa-lama Kementerian ini telah meninggalkan satu perkara yang maha penting di-segi pelajaran hendak mengadakan mutu bahasa Melayu dan hendak menjadikan bahasa Melayu itu yang tinggi taraf-nya dalam negeri ini, pelajaran ini di-tinggalkan di-perengkat universiti. Tuan Yang di-Pertua, sampai sekarang kita telah merdeka 10 tahun tetapi di-universiti kita itu hanya ada Pengajian Bahasa Melayu. Kerana apa tidak di-naikkan taraf Fakelti Bahasa Melayu? Kurang-kah sarjana pensharah²? Kita tidak kurang. Kalau sekarang ada 30 orang lebeh pensharah dalam Bahagian Bahasa Melayu. Mereka boleh mengambil

bahagian dalam Bahasa, dalam Sastera, dalam Kebudayaan. Tidak kurang mahasiswa-nya bukan sahaja terdiri mahasiswa itu daripada orang² Melayu termasuk orang² yang bukan Melayu lebih 1,000 orang. Jadi, dengan adanya di-naikkan taraf ini, bahasa Melayu patut jadi satu bahasa yang tinggi di-Tenggara Asia ini, bukan untuk kegunaan 4 juta umat Melayu, 10 juta umat Malaysia, bahkan akan digunakan oleh 120 juta orang² yang menggunakan bahasa Melayu dalam daerah ini. Jadi, saya harap Kerajaan juga akan memikirkan masaalah hendak menaikkan taraf Pengajian Melayu ini kepada Fakulti Bahasa Melayu.

Baharu² ini masharakat orang² China dalam tanah ayer kita hendak menubuhkan sa-buah Universiti China, kemudian dia mahu Pengajian Bahasa China di-Universiti itu hendak di-naikkan taraf kepada Fakulti Bahasa China. Mereka ada hasrat, tetapi pihak Kerajaan kita belum lagi dapat menentukan bahawa bahasa Melayu itu hendak di-naikkan taraf sa-bagaimana yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentoh di-sini Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pun ada—satu masaalah yang belum dapat di-selesaikan oleh Kementerian ini, ia-itu masaalah, dia kata hendak memberi keutamaan kepada bumiputra dalam hal lesen² motokar², lori² itu betul kita puji, usaha-nya sangat baik tetapi Kementerian ini, kata dia hendak hapuskan Ali Baba. Ali Baba boleh hapus, tetapi Kassim Baba tidak boleh hapus, Tuan Yang di-Pertua. Kadang² saya kaseh kasehan orang yang menjadi Kassim Baba ini di-mainkan-nya Kementerian ini. Bila kita dapati, beri satu lesen kepada bumiputra, kemudian bumiputra itu sewakan, atau jualkan dengan satu perjanjian yang sulit, bila Kementerian ini hendak mengambil tindakan, hendakkan bukti yang chukup, yang penoh, bila tidak ada bukti yang penoh, maka apa yang kita ambil langkah itu—gagal perchuma. Kementerian ini di-ketawakan oleh manusia yang saya katakan Kassim Baba itu. Fasal apa hendak bukti yang chukup, tidak dapat di-beri, oleh itu

saya fikir patut di-tambah. Jikalau keterangan² yang menunjukkan bahawa lesen yang di-beri kepada bumiputra itu di-jual atau di-sewakan kepada orang ini dengan keterangan daripada Penghulu, atau keterangan daripada penduduk² pengkalan kereta itu, 10 atau 20 orang yang menunjukkan bahawa motor car itu permit itu telah digadaikan kepada orang yang bukan bumiputra, maka dengan kenyataan daripada Penghulu, daripada penduduk tempat itu di-jadikan satu kenyataan yang membolehkan supaya permit itu di-tarek balek di-berikan kepada bumiputra. Ini banyak, Tuan Yang di-Pertua, bukan kawasan saya, tiap² Kawasan Pilehanraya ini semua ada orang² yang menjadi Kassim Baba mentertawakan Menteri kita yang bijak ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat banyak sudah di-siasat dan sudah pun di-potong dengan kerjasama orang ramai.

Tuan Ahmad bin Arshad: Kalau ada yang di-potong, tetapi ada yang belum di-potong, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Yang Berhormat Menteri itu hendakkan keterangan, saya akan berikan, tetapi mahu terima-lah chakapan saya itu. Terima kaseh.

Satu perkara yang saya hendak sentoh, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan

Tuan Yang di-Pertua: Ini Anggaran Tambahan tahun 1967, tidak usah-lah panjang².

Tuan Ahmad bin Arshad: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Ini saya hendak menyentoh, berhubung dengan perusahaan dan perdagangan, Kepala 121—Meluaskan Perindasterian. Masaalah ini telah banyak di-sebutkan oleh rakan sa-jawat saya tadi; chuma saya minta Kementerian ini jangan hendak-nya mengadakan kawasan perindasterian ini di-kawasan² yang ada sekarang, umpama-nya, di-Johor Bahru, di-Tampoi, di-Pulau Pinang sahaja, tetapi hendak-lah di-beri perhatian kepada

kawasan² yang di-luar² bandar khususnya, umpama di-Muar. Di-Muar ini memang layak saya fikir di-jadikan kawasan perindustrian. Di-sana ada banyak bahan² yang boleh di-jadikan alat kepada kilang² ini. Saya harapkan kepada Yang Berhormat Menteri ini akan mengambil perhatian kerana di-sana ada sungai yang boleh di-lalui oleh kapal kecil dan Sungai Muar itu ada-lah tohor sahaja. Saya minta Kementerian Pengangkutan, kalau boleh menyelidik supaya Sungai Muar yang tohor itu di-dalamkan. Di-sana ada hasil² kayu balak, ada hasil kelapa sawit, ada hasil getah, ada hasil bijeh besi dan barang² masuk kita boleh bawa beras dan lain² seperti mana empat lima puluh tahun dahulu telah di-gunakan tempat ini sa-bagai pelabuhan yang tertentu. Dalam hal perindustrian pula, saya gemar menarek perhatian Kementerian ini supaya memberikan pandangan atas shor saya dahulu yang mana saya minta supaya di-berikan bantuan kepada orang² yang kena mala-petaka terbakar, banjir, ribut pekebun² kecil yang kena mala-petaka alam. Kementerian menjawab tidak dapat di-timbangan. Jadi, sa-kali lagi saya merayu kalau tidak boleh di-beri dengan chara langsung tolong beri mereka di-adakan satu tabong pinjaman. Maka dengan ada-nya satu item baharu tabong pinjaman ini, mereka yang kena mala-petaka alam tadi boleh meminta pinjaman kepada badan ini supaya meneruskan usaha-nya yang telah musnah. Kemudian satu perkara yang patut saya bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan satu ranchangan hevea-crumb yang patut di-adakan di-kawasan saya dan permohonan ini sudah di-majukan kepada Kementerian itu. Kawasan ini ada enam hingga tujuh ribu ekar kebun getah. Dan pekebun² kecil ini sanggup pun mengikut syarat² yang di-kehendaki oleh Kementerian itu. Saya harap supaya ranchangan Kilang hevea-crumb ini di-adakan di-kampung yang saya sebutkan ini nama-nya Kampung Teratai, Muar.

Akhir-nya saya suka hendak berchakap berhubung dengan pembangunan negara dan hal ini saya tidak sempat berchakap di-waktu Kementerian yang berkenaan membina-

kan. Saya minta izin, Tuan Pengerusi, benar-kah saya ia-itu berhubung dengan Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah. Lembaga Kemajuan Tanah ini memang dapat sambutan baik dari Ra'ayat kerana Kerajaan pun memang hendak membuat ranchangan yang lebih luas lagi, tetapi satu perkara yang saya fikirkan ia-itu pengambilan orang² yang hendak masuk di-dalam Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah itu patut di-kaji balek. Sekarang chuma di-khaskan umur 50 tahun sahaja, tetapi saya mahu supaya Kementerian ini memikirkan supaya beri peluang kepada mereka yang umur-nya 55 tahun, orang yang umur 55 tahun itu dalam keluarga-nya ada anak yang umur-nya 17 tahun dan 18 tahun. Jadi, dengan chara langsung kita mengambil orang ini, kita boleh menebus penganggoran dalam keluarga itu. Malahan pula orang yang berumur 55 tahun, masa kita menuntut kemerdekaan dahulu mereka ini berumur 45 tahun. Mereka sama² menuntut kemerdekaan, bila masa hendak tanah, umur-nya telah meningkat 55 tahun, mereka tidak dapat. Perkara ini patut di-fikirkan supaya ranchangan² yang besar² tujuan-nya kerana hendak membaiki taraf hidup ra'ayat. Kalau kita tidak beri peluang kepada orang berumur 55 tahun, keluarga itu akan menderita.

Yang kedua-nya ada satu sistem yang mengesah siapa hendak masuk ranchangan ini hendak-lah di-adakan pemeriksaan doktor. Ini satu yang menyusahkan juga peserta² akan penghuni² dalam kawasan ini. Dalam pembangunan negara ini juga, kita ada dua ribu lebih Jawatan-kuasa Kemajuan Kampung; saya fikir kalau hendak perkara ini berjalan dengan pesat, Ketua² Kampung (Pengerusi-nya) itu hendak-lah kita tukar tiap² dua tahun sa-kali. Kalau Ketua Kampung itu baik, kita teruskan-lah, Jawatan-kuasa Kemajuan Kampung yang baik kita teruskan, tetapi ada Ketua² Kampung itu yang tidak tahu menulis, yang tidak tahu membaca, bagaimana kita hendak membina, hendak minta dia menjalankan usaha² pembangunan kita. Hal ini saya minta Kementerian supaya memikirkan Lembaga Ketua Kampung

itu patut di-kaji tiap² dua tahun sa-kali, mana yang boleh, kita teruskan, yang tidak kita berhentikan, dan kita beri peluang kepada orang lain. Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya ucapkan terima kaseh.

Tuan Geh Chong Keat (Pulau Pinang Utara) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, the 1968 Budget in relation to the 1967 expenditure and these Development (Supplementary) (No. 2) Estimates for the year 1967 is indeed a compliment, or a bouquet for the good work of the Ministers—in particular, the Minister of Finance. Sir, the compliments of the Malaysian Press and editorials with headings of “No tax shocks”, “Wise policy” and “Painless Budget” are indeed praises for the extremely good efforts on economic planning of the Honourable Minister of Finance and his hand-picked team of experts. We cannot deny that Malaysians were expecting the worst from previous years’ yearly budget experiences, and the present trend towards an increase in the cost of Government. Hence, it was a most pleasant surprise and their fears were allayed.

Sir, in planning and keeping an eye over last year’s expenditure, even the hawkers and petty traders have their fair share of bonus by having their present exemption limit on development tax raised from \$500 to \$2,000 a year, backdated to take effect as from 1st January, 1967, and such tax, if paid, to be offset or refunded where applicable. I have to admit that I was slightly disappointed, as I would have thought that the ceiling would have been raised to \$3,000 instead of \$2,000 a year. Perhaps, I was expecting a little too much of the Minister of Finance. Anyway, the important consolation is that the Honourable Minister of Finance had been touring our country very intensively in the year 1967, meeting and getting to know the merchants, the traders and the petty traders, the hawkers of the lowest stratum and had shown sympathetic understanding towards their problems, plight and struggle to earn a livelihood. Sir, “painless” is only applicable in general to those not affected or could withstand

the pain, but “painful” to those who were pinched like the residents and traders on the Island of Penang, and the traders in general.

Sir, there is no doubt that with the further extension of industrial estates, more and more items will be drawn into the Principal Customs Area and more restrictions would be imposed upon importation of various items. This will definitely erode the Penang free port status completely. I must compliment the Honourable Minister of Finance and the Honourable Minister of Commerce and Industry for this chess move of manoeuvring into position the Penang Island manufacturers and the farmers. It was really a fast one by imposing duties on locally grown fruits—durians, bananas, cashew nuts, chikus, mangosteens, rambutans and jack fruits—and other locally produced finished products with local raw materials, when they are fully aware that Penang Island is exporting rather than importing them. It is really a tactical move of opening a door for our Malaysian locally grown fruits and finished products into Malaysian mainland and to slam the other door on imported fruits and products into the island. As this House has been previously promised by the Honourable Minister of Finance, during the debate on the Customs (Amendment) Act last year that the Penang State Government and the Chief Minister would be consulted on Customs harmonisation, on the extension of items from time to time, would the Honourable Minister of Finance inform this House of the outcome of what transpired between them on this fast acceleration to move Penang Island into the Principal Customs Area to implement the objective of a single Customs Area for the whole of Malaysia when the bonded customs areas are not ready? The people down there are now willing to comply with the Minister’s plan by stages, but unfortunately the Government could not do much with the progress of time and is not prepared for the time being.

Sir, the future of Penang’s free port status is really a matter which should

not have been taken lightly, as it could have a profound effect on the future of business, trading and the livelihood of the residents on the Island. To prepare Penang's future, experienced businessmen, merchants and members of the public have repressed the desirability of implementing crash economic programmes aimed at providing the merchants and entrepreneurs with facilities for developing new industries as well as expanding all trading patterns and the people with sufficient employment opportunities, so that the rise in the cost of living entailed by the eventual inclusion within the Principal Customs Area will be offset by increased wages. I had several times explained and appealed in this House for economic and financial aid to develop Penang Island in preparation of the Malaysian economic integration, and I am sad to say that we on the Island have not had our fair share. This is also the opinion of the residents and I am expressing it on their behalf.

However, we are very grateful to learn from the Minister of Transport that we are going to have our airports extended and with a brighter outlook. We have been advised Sir, to close or clamp on Malaysia's foremost free port of Penang Island in the fast developing northern region. Yet we hear of the establishment of free ports in Ceylon, Indonesia and Thailand. We are also losing our entrepot trading in the northern region, particularly Indonesia, to Singapore, due to competition and the imposition of the 2% surtax on all imports into the Island, and the Honourable Ministers are aware that the prosperity and development of the northern region thrived for over 180 years on entrepot trade. Therefore, I am appealing again to the Honourable Minister of Finance and the Cabinet for consideration of lifting the 2% surtax on all imports into the Island against the item extensions into the Principal Customs Area, in order to blend our traditional trading patterns into the wider horizons of a Malaysian or South East Asian Common Market. To pressurise and accelerate the economic crash programme for Penang Island with a more vigorous approach, may I

request for the establishment of a high-powered State Economic Liaison Committee comprising:

- (1) representatives of the Chambers of Commerce;
- (2) representatives of the Penang State Government;
- (3) representatives of the Ministry of Commerce and Industry;
- (4) representatives of the Ministry of Finance;
- (5) representatives of the Prime Minister's Department Economic Planning Unit or Section;
- (6) representatives of the trading bodies.

Sir, I have to make this request as the Honourable Minister of Finance does share the views of the Chambers of Commerce and the trading circles on the existing lack of co-ordination with the Government that necessitates such a high level liaison body meeting often and regularly planning positively on the Island's economic transformation and future. This will also pave the way for the formation of a State Industrial Development Board which is very urgently needed.

Sir, I have to touch on these subjects as they are very relevant to the progress of the industrial estates and Customs. In this respect, I would also request the Ministers to look into the possibility of setting up more cottage industries on the Island of Penang. Thank you, Sir.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.35 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.50 pagi.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Meshuarat)

Perbahathan di-sambong sa-mula

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong perbelanjaan tambahan yang telah di-kemukakan oleh Yang

Berhormat Menteri yang berkenaan dan saya meminta kebenaran kepada Tuan Yang di-Pertua membuat beberapa tegoran.

Mula² berkenaan hal ehwal pertahanan, Tuan Yang di-Pertua. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, sa-belum negara kita ini dapat mencapai taraf kemerdekaan, semua kaum kita, orang² kita yang di-ketua² oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri telah pun membuat persiapan khas-nya untuk pertahanan. Jadi, saya kurang bersetuju dengan pendapat² sa-tengah daripada orang² kita yang mengatakan apabila pengundoran Tentera² British daripada tanah ayer kita ini akan menyusahkan negara kita ini, kerana tidak guna-nya kita mendapat taraf kemerdekaan yang penuh, Tuan Yang di-Pertua, kalau pertahanan tidak ada dalam tangan kita sendiri.

Pada tahun 1957, Tuan Yang di-Pertua, saya telah di-temui oleh wakil *Straits Times* di-Ipoh khas-nya berkenaan dengan pertahanan. Saya katakan saya akan taborkan tepong tawar dan beras kunyit, kalau sa-kira-nya Kerajaan British dan tentera²-nya berambus daripada tanah ayer kita ini. Jadi, sa-tengah daripada sa-tengah orang kurang perchaya dan sekarang kita telah dapati Kerajaan British sudah pun hendak meninggalkan tanah ayer kita ini, dan pengundi² saya di-Larut Utara, menguchapkan selamat jalan.

Saya rasa langkah British ini bolehlah di-anggapkan seperti satu langkah yang *stupid*, satu langkah yang bodoh, kerana kita tengok Amerika bersusah payah hendak mendapatkan satu base umpama-nya di-negeri Jepun, di-Siam, di-Vietnam dan di-mana² negeri sa-kali pun dan di-sini mereka telah pun berada di-sini, maka mereka hendak pergi pula. Ini satu langkah yang tidak bijak pada fikiran saya.

Sekarang saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Australia dan Kerajaan New Zealand hendak datang. Kalau di-tanya saya sendiri, ini pun saya kurang bersetuju, kerana dalam peperangan moden ini, Tuan Pengerusi, pada pendapat saya tentera² yang ada

di-dalam tanah ayer kita ini, kita tidak dapat mempertahankan mana² pencerobohan yang besar walau pun dalam masa sa-bulan sahaja. Jadi, chuma saya harap kepada Kerajaan kita, hal ehwal pertahanan yang kita adakan ini—chuma-lah memada² dengan pertahanan dalam negeri sahaja. Dan yang lain² saya menitek-beratkan kalau ada senjata atau wang yang lebeh sedikit mesti-lah kita menggunakan-nya untuk membeli senjata yang kecil, senjata yang *most effective*, yang dapat kita mempertahankan tanah ayer kita ini dengan chara gurilla warfare. Chara lain tidak dapat kita mempertahankan kerana kita tidak mampu mengadakan *arms race* seperti yang di-buat oleh negara² yang besar, seperti Amerika dan Russia.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan tahniah kepada Yang Teramat Mulia Tunku kita kerana dapat menyelesaikan masalah hutang darah dengan Kerajaan Jepun, dengan mendapat ganti rugi di-antara lain² ialah dua buah kapal. Saya teringat apabila British sudah lari daripada tanah ayer kita, kerana gagal mempertahankan tanah ayer kita dalam Peperangan Dunia Yang Kedua. Saya faham dan tahu, ia-itu Kerajaan British telah sedikit sa-banyak membayar kepada kita *war claims damage* dan sa-bagainya. Ini pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak memada². Macham mana Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri kita telah berpakat dengan Kerajaan Jepun memberi kita pertolongan dua buah kapal, dengan chara ini juga saya shorkau supaya Kerajaan kita berpakat dengan Kerajaan British memberi ganti rugi, oleh sebab mereka gagal mempertahankan tanah ayer kita ini dalam masa Peperangan Dunia Yang Kedua.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya hendak nyatakan yang menjadi terharu-nya dalam hati saya ia-lah berkenaan dengan hal harga getah. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, masa-nya sudah tiba di-mana Menteri Perdagangan dan Perusahaan kita membuat suatu perbincangan yang dalam, baik dan terator bagi faedah penanam² getah dalam tanah ayer kita ini. Dahulu saya telah nyatakan betapa

dukachita-nya saya menengokkan boleh kata tiap² tan getah yang kita keluar-kan dalam tanah ayer kita ini kita eksportkan. Ini tidak baik sa-kali², Tuan Yang di-Pertua, bagi perekonomian tanah ayer kita ini, tetapi oleh sebab pada masa yang lampau harga getah ini sedikit sa-banyak memberi keuntungan kepada ra'ayat jelata kita dan Kerajaan kita biarkan begitu sahaja, tetapi masanya pada fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba di-mana Menteri kita yang bijaksana dan chergas itu saya tengok hari² beliau ka-sana kasini dan membuat satu perbincangan yang dalam dengan kapitalis² yang memegang estet² yang besar yang di-punyai oleh bangsa asing itu supaya mereka mengeluarkan fikiran dan di-mana yang wajar mendirikan kilang menggunakan getah kita ia-itu sakurang²-nya 70% getah yang di-keluar-kan oleh estet² yang besar dalam tanah ayer kita ini mesti-lah di-gunakan dan di-jadikan finished products. Apabila mereka jadikan bagini 30% daripadanya boleh-lah di-eksportkan, tidak sebelum daripada itu. Saya rasa kalau kita tidak hentakkan kaki kita keras sedikit ka-tanah, kaum kapitalis ini boleh-lah memperkotak-katekkan Kerajaan kita dan penanam² getah kita, terutama sa-kali pekebun² kechil di-kampong². Kita mesti-lah keras, saya tidak katakan kita patut nationalise estet² itu, tetapi perkara yang berpatutan dengan peredaran masa kerana berfaedah kepada ra'ayat jelata kita dan Kerajaan kita. Saya perhatikan Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan pergi membuka assembly plant di-Batu Tiga yang di-punyai oleh Volvo, Fiat di-Tampoi dan sa-bagai-nya. Saya rasa ini kurang memuaskan; baik itu baik juga, tetapi kurang memuaskan, kerana assembly plant, Tuan Yang di-Pertua, sampai valve tube Volvo tidak buat; Kampeni Fiat tidak buat, kesemua-nya di-bawa dari Italy, daripada Denmark. Mereka makan daging, kita makan kuah. Saya rasa untuk perkembangan ekonomi dan faedah kepada Kerajaan kita dan negara kita perkara ini tidak boleh benarkan berjalan berluasan².

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya tidak berapa seronok, kerana

saya tahu Menteri Perdagangan dan Perusahaan beliau ini kawan saya datang dari sa-buah sekolah, orang-nya bijak, Queen's scholar—tetapi hal ehwal perbedzaan perekonomian yang di-pegang oleh bangsa asing dan bumiputra belum lagi di-jalankan dengan baik. Dahulu saya tahu ada satu peruntukan satu section yang di-namakan Malay Secretariat, dalam Dewan ini orang memuji kebijaksanaan Menteri bersunggoh² berjalan dari satu pekan ka-satu pekan, propaganda begitu sah-tahun, dua tahun, lama² perkara ini mati tidak berkubor. Barangkali perkara ini Yang Berhormat Menteri boleh menyatakan kita telah tolak kepada pehak MARA. Tuan Yang di-Pertua, satu masaalah yang bagini penting, baik kepada negara dan kepada pertahanan dan juga kepada satu kaum yang tidak begitu bernasib baik di-beri pada satu section MARA sahaja menjalakan, saya rasa tidak-lah baik. Banyak jurusan menggembelingkan tenaga untuk membantu orang kita bumiputra ini, terutama sa-kali daripada orang yang bukan bumiputra berfaedah sangat-lah, khas-nya kepada orang bukan bumiputra khas-nya saya katakan sa-kali lagi kepada orang yang bukan bumiputra, kerana dengan adanya perbedzaan yang bagini jauh keselamatan negara kita ini tidak terjamin. Saya harap Yang Berhormat Menteri itu berfikir sa-kali lagi, kerana ini-lah tempat yang kita harap² sangat ia-itu Kementerian Perdagangan dan Perusahaan seperti Menteri kata kita galakkan bumiputra mengeksportkan rotan, eksportkan pisang dan sa-bagai-nya. Saya rasa ini tidak patut kita fikirkan lagi. Kalau hendak tolong bumiputra, tolong-lah dengan satu hasrat yang bertimbang rasa dan jujur. Ini harapan saya dan orang bumiputra khas nya.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya dalam Budget dahulu sudah pun timbul sedikit kekeliruan, dan saya minta kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua bacha satu report akhbar yang keluar dalam *Straits Times*. Kepala-nya: *The Role of the Crown Agents*, bertarikh pada 16hb Februari, 1968. Di-antara lain, Tuan

Yang di-Pertua, report itu telah menyatakan: "Enche' Tajudin is reported as saying that continuing the use of the Crown Agents services by Government constituted as perpetuation of colonial rule—colonial rule saya katakan sekali lagi—saya tidak katakan perpetuation of colonial rule—or words to that effect". Saya katakan usaha Kerajaan atas Crown Agents ini ada-lah usaha yang telah di-datangi oleh Kerajaan Colonial, di-galakkan oleh Kerajaan Colonial, saya katakan begitu. Dan saya minta Yang Berhormat Menteri oleh sebab Crown Agents ini akan menelan satu belanja yang besar \$470,000 pada tahun ini. Saya rasa tidak patut lagi kita gunakan, Menteri kata perkara² yang kecil sudah pun kita pakai order chara konterek, invoice dan sa-bagai-nya, dan saya shorkan, Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Menteri banyak chara lagi yang kita boleh buat supaya wang yang bagini besar boleh dapat diselamatkan, kalau sa-kira-nya kita tidak pakai lagi broker seperti Crown Agents ini.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Anggaran Tambahan Pembangunan bagi tahun 1967 dan saya menyertai sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Bagan menguchapkan sa-tinggi² terima kasih kepada Kementerian ini dan juga kepada Kerajaan yang telah pun meng-untukkan wang sa-banyak \$12 juta untuk mendapatkan sa-bidang tanah sa-luas 2,000 ekar untuk di-jadikan tempat perusahaan baharu yang mana tempat perusahaan yang lama yang sa-luas 382 ekar sudah pun habis diambil. Jadi, nampak-nya perusahaan² dan orang² yang ingin hendak mendirikan perusahaan dalam negara kita ini daripada sambutan mereka itu nampak-nya sangat menggalakkan. Apa yang saya berharap manakala tempat kawasan perusahaan sa-luas 2,000 ekar ini akan di-dirikan perusahaan di-sana dan saya nampak yang boleh mendapatkan faedah kepada negara kita ini di-buatkan satu syarat supaya orang² yang hendak mendirikan perusahaan di-sana mesti-lah meng-

utamakan membuat barang² penggunaan daripada getah asli. Dengan chara yang sa-macam ini dapat-lah kita bertanding dengan barang² buatan daripada getah yang di-masokkan ka-dalam negara kita ini dan barang² buatan daripada getah tiruan. Sa-bagaimana kita sedia ma'alum hendak membuat getah tiruan itu harga-nya 100% lebeh daripada harga pasaran yang mana harga yang lebeh itu di-ganti rugi oleh negara² yang mengeluarkan getah² tiruan kerana kepentingan perburohan bagi negara² itu. Jadi jika kita hendak bertanding sa-terus-nya tetap sa-kali kita kalah. Oleh itu saya berpendapat jika kita tahu kita akan kalah bertanding getah asli kita dengan getah tiruan mesti-lah kita chari satu jalan yang lain ia-itu bertanding dengan barang² penggunaan yang di-buat oleh kita sendiri dengan getah asli dengan barang² yang di-buat dengan getah tiruan, maka dengan ini saya yakin dan perchaya kita akan mendapat kejayaan. Oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, kita hantarkan getah asli kita dengan kapal ka-luar negeri dan juga barang² yang sudah siap itu di-hantar balek, pengangkutan sudah makan dua kali, dan bayaran perburohan di-negara² sa-bagaimana di-Eropa dan Amerika terlampau tinggi sa-hingga di-kira jam—satu jam sampai \$8 ada yang \$5. Jadi, di-atas dua perkara ini kita akan dapat menjualkan barang² kita lebeh murah daripada negara² yang mengeluarkan barang² kegunaan yang di-buat daripada getah. Saya harap Kementerian ini dengan usaha satu Jabatan Penyelidik dan di-beri tugas dengan sa-penoh supaya menyelidik dan mendirikan beberapa banyak kilang² perusahaan yang bahan mentah-nya di-utamakan dengan getah asli. Ini-lah satu chara yang saya fikir dapat meninggikan harga getah dan mengurangkan pengangguran.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya berasa khuatir sa-bagaimana yang telah terjadi di-tempat saya, ia-itu kawasan *Mak Mandin* itu banyak perusahaan² sudah di-dirikan, tetapi malang-nya pengambilan pekerja² tidak memuaskan. Yang saya berharap kepada Kementerian Buroh khas-nya supaya mengadakan satu Undang² yang

mana tiap² majikan yang hendak menggunakan buroh mesti-lah mengambil melalui Jabatan Pendaftaran Menchari Kerja. Ini akan mengurangkan kerumitan yang kita alami sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana banyak diantara majikan² tidak memperdulikan kepada Jabatan Pendaftaran Buroh untok menchari kerja. Jadi, jikalau kita adakan Undang² maka mesti-lah mereka patoh kepada Undang² itu dengan mengambil pekerja² melalui Jabatan Buroh, kerana pada masa sekarang ini saya dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri Buroh sendiri yang mengatakan kuasa-nya, ia-lah untok merayu kepada majikan supaya mengambil pekerja² melalui Jabatan² Buroh, tetapi berapa orang-kah majikan² yang telah menghormati kepada rayuan Yang Berhormat Menteri Buroh itu? Kita sedia ma'alum sungguh pun ada beberapa Undang² dalam negara kita ini, tetapi kita dapati beberapa banyak orang yang memechahkan Undang² yang melawankan Undang², tambahan pula mengenai pengambilan pekerja dengan tidak ada Undang² yang tegas, maka saya perchaya majikan tidak akan mempedulikan. Yang menghormati Jabatan ini chuma Jabatan² Kerajaan sahaja. Saya mengshorkan jikalau Yang Berhormat Menteri Buroh ini tidak boleh mengadakan Undang² memaksa majikan² mengambil pekerja² melalui Pejabat Buroh saya shorkan supaya di-tutupkan Pejabat Pendaftaran Buroh ini dan beri-lah tugas mendaftar menchari kerja itu kepada pejabat² Kerajaan yang mana pejabat itu boleh menguruskan perkara mendaftar menchari kerja dan tidak-lah kita merugikan wang sahaja. Saya berharap-lah kepada pehak yang berkenaan supaya Menteri Buroh mengambil perhatian di-atas perkara ini dapat dilaksanakan satu Rang Undang² yang mana memaksakan majikan mengambil pekerja² dan di-tegaskan di-situ mesti-lah mengutamakan orang² yang menchari kerja daripada anak² tempatan.

Kerap kali kita dapati manakala kilang itu di-dirikan di-satu² kawasan yang mana anak² tempatan, belia² kita di-dalam kawasan itu mengharapkan dapat kerja, tetapi hampa hati mereka itu kerana majikan mengambil buroh²

kasar daripada luar daripada kawasan itu, atau pun daripada negeri lain. Ini ada satu perkara yang saya harap mendapat perhatian di-buat satu Undang² yang ketat manakala perusahaan di-dirikan mesti-lah di-beri keutamaan kepada anak² tempatan. Saya tidak mengirakan sama ada dia bumi-putra atau tidak, kerana saya perchaya oleh kerana tidak ada Undang², maka orang yang bukan bumiputra itu dia tidak menghiraukan hendak menggunakan Pejabat Pendaftaran, dia ada harapan boleh mendapat kerja, tetapi yang mendaftar ia-lah terdiri dari orang² India dengan orang Melayu yang mengandongi 95 peratus lebeh. Jadi, kalau kita adakan Undang², saya yakin dan perchaya semua warganegara kita daripada keturunan China, India dan Melayu dapat mendaftar dan dapat mereka ini satu layanan yang saksama. Sa-boleh²-nya di-adakan kota tiap² tempat perusahaan itu ambil kata-lah 40 peratus daripada bumiputra, 40 peratus orang China, dan 20 peratus kepada lain² orang. Dengan chara ini kita menggalakkan persefahaman di-antara warganegara kita yang bekerja di-dalam satu² perusahaan. Ini memang-lah dasar Kerajaan, tetapi kalau tidak di-buat dengan Undang² saya perchaya tidak akan kita sampai ka-tingkatan itu.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berchakap di-atas perkara dasar pertahanan kita ini yang mana Ahli² Yang Berhormat telah berchakap. Dasar kita ia-lah berbaik² dengan semua negara dan kita berkechuali daripada memasoki mana² block, dengan ini dapat kita bersahabat baik dengan kesemua negara. Dengan yang demikian, untok hendak menghasilkan dasar itu, saya mengshorkan supaya kita hantar rombongan² muhibbah rasmi daripada Kerajaan kita, atau pun perutusan² rasmi daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada negara² yang pada masa ini tidak dapat bekerjasama dengan kita, atau tersalah fahaman dengan kita. Perkara ini bukan baharu di-buat. Tuan Yang di-Pertua, 500 tahun dahulu Kerajaan Melaka menghantarkan perutusan kepada negeri China kerana hendak

berbaik² dengan-nya dan kita pegang di-atas dasar itu kita hantar perutusan kepada Kerajaan Korea Utara, Kerajaan Vietnam Utara dan juga kepada Kerajaan Komunis China sa-kali pun. Manakala sampai perutusan kita di-sana, tentu-lah ada perbincangan², baharu-lah dapat kita menjelaskan dengan sa-jelas²-nya tentang pendirian pertahanan negara kita ini di-atas perkara berbaik² dengan semua negara. Ini saya perchaya akan mendatangkan hasil dan manakala negara² yang pada masa sekarang ini ada konfrantasi sa-chara sejok, dia dapat fahaman di-atas pendirian kita, dan dia akan boleh bekerjasama sa-kurang²-nya dia tidak buat keputusan hendak melanggar kita, atau pun hendak berseteru dengan kita. Dengan chara ini dapat-lah kita kekal-kan keamanan bagi negara kita ini. Sekian lah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil bahagian perbahathan dalam Anggaran Tambahan yang di-untokkan sa-banyak \$12 juta lebeh. Di-sini suka-lah saya mengambil perhatian apa yang telah disampaikan oleh rakan² sa-perjuangan saya dari Hilir Perak dan dari Kuala Trengganu Utara berkenaan dengan orang² yang berada dan yang tidak berada.

Kalau kita siasat dengan mendalam dan menganalisa orang² yang ada dan yang tidak berada ini di-dalam bandar dan di-luar bandar, kedudukan orang² di-luar bandar yang lebeh menderita, yang lebeh tidak berada. Maka di-sini kita dapati kedudukan² yang sa-benarnya di-seluruh negara kita pada hari ini. Keadaan ekonomi kita pada hari ini ia-lah walau apa sa-kali pun kita buat terletak kepada tanah. Tanah-lah puncha daripada apa segi juga yang patut kita gerakkan. Tanah-lah yang akan menjadi hakim utama kepada gerakan ekonomi. Oleh yang demikian apa-kah siasatan² yang telah di-chapai oleh pihak penyiasat² tanah berkenaan dengan kegunaan² tanah yang begitu meluas dan di-dalam kawasan kita ini yang lebeh² lagi yang berhampiran dengan pantai² di-kuala² sungai, apa-kah yang akan di-dapati di-dalam

penyiasatan ini berkenaan dengan tanah² gambut dan tanah² lumpur yang sa-bagitu luas yang kita dapati pada hari ini payah kalau hendak digunakan; di-dalam siasatan ini-lah dapat kita membetulkan kedudukan ekonomi yang tidak berada yang banyak ada luar bandar.

Saya suka menyebutkan baharu² ini di-dalam kawasan saya sahaja yang telah mengeluarkan tanah gambut tidak kurang daripada 10,000 ekar dan daripada 10,000 ekar ini-lah akan tersebar-nya kedudukan warganegara kita yang berada di-tepi² pantai menumpukan penghidupan mereka di-hari yang akan datang. Maka apa-kah yang mereka ini berbuat di-atas tanah gambut ini dan apa-kah yang mereka harapkan di-atas tanah gambut dan apa-kah tanam²an yang patut mereka tanam untuk penghidupan mereka pada masa yang akan datang kelak, maka di-sini-lah kalau-lah siasatan ini tinggal di-atas siasatan sahaja dan tidak disampaikan kepada pihak² yang berkenaan menyebarkan kepada mereka yang akan menggunakan segala siasatan² itu kedudukan mereka itu tidak terjamin. Umpama-nya, sa-belum perang dahulu tanah yang tidak berguna, tanah yang berlumpur telah di-tanam dengan pokok² nipah. Di-Tanjong Karang di-mana tidak kurang daripada 1,000 ekar sudah di-dirikan satu Nipah Distilleries yang telah mengeluarkan gula, minyak wangi dan arak juga. Tetapi malang-nya di-dalam peperangan yang kedua perkara ini semua sudah hapus lenyap dan lebor sama sa-kali.

Dan bagitu juga di-tanah lumpur ini apa-kah nasib pokok² kayu bakar yang telah menjadi kegunaan bagi kita sa-belum perang dahulu dan pokok bakar ini juga mengeluarkan hasil yang banyak kepada negara kita dan ini juga kebanyakan-nya ke-empunyaan bagi orang² tani dan peladang² kita di-tepi pantai. Ini-lah yang saya katakan siasatan ini-lah puncha-nya, puncha segala²-nya, sa-kira-nya dapat kita memberikan siasatan itu, keputusan siasatan itu kepada mereka yang berkehendakkan siasatan, dan di-sini-lah juga, Tuan Yang di-Pertua, perkara²

yang saya letakkan sa-malam di-atas soal berkenaan dengan benih. Benih ini kita tahu memang telah di-selidik dan memang telah di-tapis untuk mengelokkan pengeluaran di-dalam peladang² dan kapada petani² yang mengeluarkan bahan² yang di-kehendaki. Tetapi apa yang di-ragukan bagi pihak Jabatan Pertanian tidak mengeluarkan benih yang chukup umpamanya kelapa sawit, kelapa, kopi, nanas dan sa-bagai-nya, kerana Jabatan Pertanian ini tidak ada mempunyai kawasan yang chukup luas untuk mengeluarkan chukup benih bagi keseluruhan peladang² yang berkehendakkan benih. Oleh yang demikian maka terpaksa-lah Jabatan Pertanian menghadapkan halanya kapada peladang² yang besar yang mengeluarkan benih² kelapa sawit, nanas, dan kelapa dan di-ambil daripada peladang² ini.

Saya suka menyatakan di-sini supaya kita berwaspada di-dalam membeli benih² daripada peladang² ini, kerana peladang² ini tidak akan memberi benih yang paling baik kapada kita; mereka itu akan memberikan benih yang paling kurang mutu-nya supaya pengeluaran pekebun² kechil tidak mengatasi mereka. Dengan ini pasaran mereka akan tetap terjamin, tetapi pasaran² bagi pekebun² kechil tetap tertinggal begitu sahaja. Ini-lah yang saya hendak kemukakan kapada pihak yang berkenaan supaya berwaspada di-dalam perkara² tersebut. Terima kaseh.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Yang di-Pertua, saya bersama² menyokong pada Anggaran Tambahan yang di-pohonkan di-dalam Dewan ini lebeh daripada \$12 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana biasa apabila Rancangan Pembangunan kita ini di-bentangkan di-dalam Dewan ini, maka kebanyakan Ahli² Dewan ini telah mengambil bahagian untuk perbahathan ini dengan tujuan bagi meninggalkan dan memberi kesan yang baik di-atas tujuan² Rancangan Pembangunan Negara kita di-jalankan sa-lama ini.

Di-sini semua Ahli² Yang Berhormat bersetuju di-dalam rancangan yang di-

jalankan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi membuka dan membesarkan bilangan tanah² yang di-buka untok di-berikan kapada ra'ayat negara ini ada-lah pada keseluruhan-nya telah memuaskan semua Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan, ini kerana telah memberi kesan yang baik kapada para peserta yang telah mendapat pembahagian tanah² itu.

Apa yang menjadi rasa tidak begitu puas hati daripada kebanyakan Ahli² Dewan ini ia-lah masaalah ekonomi ra'ayat di-luar bandar dan di-dalam bandar, ini timbul pada bila² masa Anggaran ini di-perbahatkan. Ini timbul bila² masa perkara ini di-sentuh. Jadi di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir masaalah ekonomi ini ia-lah satu masaalah yang berat, masaalah yang memerlukan penyiasatan yang halus, masaalah yang memerlukan tindakan daripada semua peringkat—sama ada dalam bandar atau pun luar bandar, sama ada bumiputra atau bukan bumiputra—dan ini saya rasa memerlukan satu Kementerian yang khas ia-itu Kementerian Ekonomi Negara. Kementerian Ekonomi Negara, saya rasa kalau dapat persetujuan daripada pihak Kerajaan boleh menjalankan peranannya penting bagi menjalankan penyiasatan pada seluruh ra'ayat negara ini untuk membanchi dan meninjau apakah sebab²-nya, maka penduduk² luar bandar mempunyai pendapatan yang rendah dan ekonomi-nya tidak terjamin dan apa-kah penduduk di-dalam bandar ekonomi-nya baik dan boleh mengator chara hidup-nya yang sempurna. Dan sa-telah siasatan ini dapat di-jalankan, maka Menteri ini akan dapat menyusunkan segala rancangan, segala chara² bagi mengatasi masaalah ini. Jadi saya perchaya dengan ada-nya satu Kementerian yang khas ia-itu Menteri Ekonomi Negara kita ini saya perchaya kedudukan ekonomi akan di-susun dengan sa-baik²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu di-dalam pembangunan ini juga, saya suka memberi pandangan kapada Kementerian Kerja Raya supaya mengambil perhatian berat kapada kerja² dan nasihat² Jurutera

Perunding, atau pun *Consultant Engineer* bagi mengadakan, atau pun menjayakan satu² projek. Di-sini saya berpendapat satu bukti yang saya nampak tidak begitu memuaskan ya'ani Jurutera Perunding ini telah membuat satu penyiasatan dalam kawasan saya di-Sabak Bernam sana untuk perbekalan ayer yang memakan belanja sa-banyak \$6 juta, tetapi malang-nya sa-telah di-selesaikan dan di-buat dan di-jayakan bekalan ayer di-Sabak Bernam itu, pada masa ini apabila musim kemarau ayer-nya telah kering dan tidak dapat memenuhi kehendak² seluroh ra'ayat dalam kawasan itu. Jadi kalau-lah bagini keadaan-nya Jurutera Perunding ini saya rasa tentu-lah akan merugikan wang negara. Jadi oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita tidak boleh-lah dengan sa-penoh² nasihat daripada Jurutera Perunding ini, kalau kita dapati masaalah² yang tidak memuaskan seperti ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit kepada Kementerian Pengangkutan yang sa-lama ini saya belum sentoh lagi, kerana beliau ada-lah rakan baik saya, tetapi ini terpaksa saya sentoh sedikit berhubung dengan keutamaan kepada Kementerian ini bagi memberi lesen² pengangkutan kepada sharikat². Tuan Yang di-Pertua, ada juga sharikat² yang tidak begitu bertanggungjawab untuk menjalankan perusahaan pengangkutan ini. Satu mithal dan bukti yang dapat saya tunjukkan kepada Kementerian ini, ia-itu dua buah plate teks yang ada di-kampung saya yang telah di-untokkan kepada sa-buah sharikat; teks² ini tidak pernah pun ada dalam kampung itu; dia terpaksa menchari makan di-lain² kawasan dan ini menyebabkan kesusahan kepada ra'ayat dalam kampung itu apabila hendak menggunakan teks² ini, walau pun ada permohonan daripada orang² tempatan, oleh kerana orang tempatan itu tidak mempunyai sharikat, maka permohonan itu tidak dapat di-luluskan. Jadi, ini-lah saya harap kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan akan dapat menjalankan siasatan, atau pun menasihatkan orang² di-kampung saya tidak-lah berebut sangat masaalah plate teks ini,

asalkan ada teks di-situ untuk kemudahan ra'ayat. Itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, serba sedikit bagi menanggapi perbahathan di-dalam Anggaran Tambahan ini. Terima kaseh.

Dato' Abdullah bin Abdulrahman (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya sokong permohonan untuk Anggaran Pembangunan (Tambahan) ini. Saya nampak bangunan² Kerajaan yang di-dirikan sekarang ini ada-lah terlampau mahal. Ini boleh-lah di-masokkan di-dalam pengertian *prestige project* atau pun ranchangan mahal kerana menjaga maruah. Kalau-lah harga² bangunan ini murah sedikit dapat-lah di-selamatkan wang untuk di-gunakan lebeh banyak untuk meninggikan taraf hidup ra'ayat dengan mengadakan berbagai² ranchangan untuk mereka, ia-itu seperti nelayan², peladang² dan lain². Saya tahu Kerajaan berkehendakkan kapada bangunan² yang tahan sampai 100 tahun. Apa guna-nya kalau kita ada banyak bangunan yang terlampau mahal, besar dan chantek, tetapi ra'ayat tidak dapat hidup senang dan makmor? Saya tidak menafikin . . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak menegur Ahli Yang Berhormat, Anggaran Pembangunan (Tambahan) ini mengikut Fasal 67 C (3) boleh-lah di-bahathkan dasar Kerajaan berkenaan dengan apa² juga maksud yang berkenaan dengan Kumpulan Wang Pembangunan itu sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam penerangan menurut Section (4). Berkenaan dengan Bangunan² Kerajaan. Kepala 140, ini tambahan chuma dalam perkara Transport and Travelling peruntukan sa-banyak \$10 dan tidak bersangkut dengan Bangunan.

Dato' Abdullah bin Abdulrahman: Baik, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang saya minta kepada Kerajaan supaya membelanjakan wang yang lebeh banyak lagi untuk ranchangan² bagi mengimbangkan taraf kehidupan antara kaum bumiputra dengan yang bukan bumiputra baik dalam bidang, ekonomi mahu pun pelajaran. Dengan jalan ini kita berharap sentiasa dapat memelihara keharmonian dan perpaduan kaum dan suasana yang baik dan

sihat di-dalam negeri kita ini. Saya juga berharap kepada Kerajaan Pusat supaya memberi galakan yang lebih dan yang wajar kepada pengusaha² supaya menubuhkan lebih banyak lagi kilang² perusahaan di-Pantai Timor khas-nya di-negeri Trengganu. Dan dengan jalan ini kita berharap akan dapat memberi lebih banyak lagi pekerjaan kepada penganggor² di-dalam negara kita ini, kerana penganggoran ada-lah menjadi masalah nasional di-dalam negeri kita ini.

Berkenaan dengan perindustrian ini, saya juga berharap kepada Kementerian ini supaya menghantarkan lebih ramai lagi pegawai² Kementerian ka-negara² yang maju di-dalam perindustrian, mithal-nya satu daripada negara itu ia-lah negeri Taiwan. Saya sebutkan negeri Taiwan kerana di-sana ada banyak perindustrian, dan keadaan serta suasana di-negara itu tidak-lah jauh berbedza dengan negeri Malaysia kita ini, tambahan pula penduduk-nya ada-lah lebih kurang sama ramai dengan penduduk negeri kita ini.

Yang akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada pihak Polis supaya lebih hebat lagi mengawasi dan mengawal laut² kita supaya anak² perahu besar yang berulang alek daripada Malaysia ka-Siam tidak di-kachau oleh lanun² di-laut, dan juga sa-lain daripada anak² perahu besar itu, nelayan² kita juga tidak akan menjadi mangsa yang banyak kepada lanun² itu.

Tuan Sulaiman bin Ali (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Anggaran Pembangunan (Tambahan) dan saya suka berchakap mengenai dengan Anggaran Tambahan ini. Sa-bagaimana yang kita ma'alum bahawa Negara Malaysia kita ini sa-buah negara berdasarkan undang², hanya undang² sahaja yang boleh mengawal dan boleh menentukan sa-suatu keadaan dalam negara kita, maka pelaksanaan undang² ini tergantung-lah kepada ta'at setia yang ada pada ra'ayat Malaysia dan kepatohan oleh orang² yang bukan ra'ayat Malaysia yang ada di-dalam negara kita ini. Sa-lagi rasa ta'at setia, atau kepatohan, tidak ada kepada

penduduk² Malaysia, maka kepinchangan masyarakat negara kita akan terus berjalan dari satu masa ka-satu masa.

Kementerian Penerangan dan Penyiaran ada-lah satu²-nya alat yang maha penting untuk menyemai-kan semangat kaseh sayang, semangat ta'at setia kepada seluruh penduduk² Malaysia dan ada-lah menjadi tanggung-jawab Kementerian Penerangan dan Penyiaran menjalankan usaha yang samedikian itu.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, maseh kekurangan penerangan² kita sama ada dalam negeri dan di-luar negeri. Di-dalam negeri kita sendiri kita dapati dari segi pembangunan maseh lagi ra'ayat² di-luar bandar, di-kampung² tidak mahu menerima ranchangan pembangunan dan sa-bagai-nya. Maseh banyak orang² di-luar bandar yang tidak mahu mengaku² bahawasa-nya ranchangan itu ada-lah ranchangan mereka. Dan dengan sebab itu saya merayu dan menyerulah kepada Kementerian Penerangan dan Penyiaran menambahkan lagi kegiatan mereka dari segi Penerangan dan Penyiaran. Satu mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, dari segi kekurangan penerangan ia-lah pada awal tahun lepas, sa-masa saya berada di-Mekah dahulu, saya pernah mendengar ada orang berchakap kepada saya sendiri di-Mekah sana, konon-nya kematian Allahyarham Ustaz Zulkifly kita bekas Ahli Yang Berhormat di-sini—kematian-nya ada-lah dengan surohan daripada Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri, upah kepada satu orang derebar China suroh langgar Allahyarham itu. Berita ini dia berchakap terus di-hadapan saya sendiri di-Mekah. Jadi, terpaksa-lah saya mengambil masa barangkali 15 minit untuk menerangkan kejadian² yang sa-benarnya. Ini menunjukkan sa-bahagian daripada kekurangan penerangan² kita di-luar negeri. Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, negeri kita sa-bagaimana yang telah saya terangkan, negeri yang berdasarkan undang² maka semenjak kita merdeka dan hingga hari ini Parlimen kita telah mengeluarkan, meluluskan barangkali beratus² undang² dan Act, tetapi Act itu, undang²

itu hanya di-ketahui oleh sa-golongan kecil sahaja daripada manusia, ra'ayat Malaysia kita dan yang bukan ra'ayat Malaysia dalam negeri kita. Keadaan ini juga saya merayu dan menyeru kepada pehak Kementerian Penerangan dan Penyiaran mengadakan satu ranchangan khas dalam penyiaran-nya menerangkan sa-kurang²-nya nama undang², kandungan sa-chara ringkas supaya dapat difahami atau di-ketahui oleh ra'ayat.

Kemudian penerangan juga mustahak di-lancarkan untuk mendapat rasa ta'at setia dan kepatohan kepada negara kita, kepada pemerentahan kita dan kepada undang² kita. Satu perkara yang sangat sedeh. Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita melancarkan Minggu Perpaduan Bahasa Kebangsaan baharu² ini saya berpeluang satu masa menghadiri ka-dalam satu panggong wayang gambar. Manakala Lagu Kebangsaan kita di-mainkan hanya saya nampak tidak lebeh daripada 12 orang yang bangkit. Kemudian yang tidak bangkit lagi itu bukan sahaja diam, tetapi menyorak²kan pula dengan sebab lambat-nya di-tayangkan wayang gambar itu. Maka keadaan ini satu perkara yang sangat mengaibkan.

Jadi itu-lah Tuan Yang di-Pertua, saya kata ta'at setia rasa kaseh sayang kepada negara satu benda yang maha penting. Sa-lagi perasaan ta'at setia tidak ada mahu pun dalam kalangan ra'ayat Malaysia, atau yang bukan kalangan ra'ayat Malaysia, maka kepinchangan masharakat kita akan terus menerus berjalan. Terima kaseh.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, dalam menyokong tambahan perbelanjaan tahun 1967 ini saya hanya berchakap mengenai Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Kita tidak-lah dapat menapikan Kementerian ini telah bekerja dengan kuat dan satu peruntokan yang besar telah di-untokkan oleh Kerajaan berhubung dengan ranchangan taliayer bagi menyelamatkan sawah² yang ada di-seluruh tanah ayer kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu pandangan yang saya hendak kemukakan

satu peruntokan di-Kementerian ini sa-banyak \$10,000 bagi membersehan taliayer Umbai dan Serkam. Saya men-chadangkan peruntokan yang sa-rupa ini supaya di-buat ranchangan taliayer yang besar seperti yang di-jalankan oleh Kerajaan pada masa ini sedang di-bena ia-itu ranchangan Alai, Melaka kerana kira-nya parit² taliayer sawah bagi menahan ayer masin masuk seperti yang ada di-Umbai dan Serkam yang ada pada hari ini. Ini tidak mendapat selamat padi² yang di-tanam di-kawasan itu, kerana taliayer ini, parit ini, selalu di-tembusi oleh ayer masin. Sa-lain daripada itu saya berharap bagi pehak Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama dapat menyelidek di-kawasan Tedong, Serkam, Simpang dan Merlimau yang beribu² ekar sawah di-tanam di-situ, tetapi hanya menggunakan ayer yang datang daripada langit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralah kepada Kementerian Kerja Raya. Saya juga menguchapkan terima kaseh kepada Kementerian ini yang telah bersungguh² bagi membekalkan ayer² kepada penduduk terutama sa-kali di-luar bandar. Saya hanya mendatangkan rayuan kepada Yang Berhormat Menteri ini ranchangan taliayer, ranchangan ayer Merlimau ka-Sungai Rambai yang telah pun siap, tetapi hingga pada hari ini ayer belum dapat di-gunakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang musim kemarau ayer² yang di-gunakan daripada Gunong Ledang dan di-Bukit Seboko, Jasin, Melaka itu juga, maseh kekurangan ayer. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menggunakan jasa baik-nya supaya ranchangan ayer Merlimau ka-Sungai Rambai ini dapat di-jalankan pada masa sekarang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap berhubung dengan pelajaran, kita tahu bahasa Melayu telah pun di-aku² menjadi rasmi ia-itu Bahasa Kebangsaan di-Tanah Ayer kita dan Ugama Islam menjadi Ugama resmi dalam negeri ini. Rayuan saya kepada Menteri yang berkenaan guru² Ugama yang ada di-seluruh Tanah Ayer kita itu dapat kita

bacha dalam surat² khabar, sedang merayu² kepada Kerajaan di-atas kedudukan pendapatan-nya bekerja dengan Kerajaan ada sa-tengah tempat, sa-tengah negeri yang gaji-nya hanya \$90.00 sa-bulan, seperti sa-orang budak pejabat. Rayuan saya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah supaya bagi pehak Kerajaan Pusat dapat mengambil aleh guru² ugama ini seperti guru² Bahasa Kebangsaan dan lain-nya, mudah²an dapat-lah guru² ugama ini mendapat gaji yang sempurna pada masa hadapan. Terima kaseh.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Anggaran Pembangunan (Tambahan) ini dan suka memberi beberapa tegoran² bagi masaalah anggaran yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita, ia-itu dalam masaalah Anggaran Pembangunan (Tambahan).

Saya suka menarek perhatian Dewan ini yang mana mengenai hal² yang bersangkutan dengan perusahaan bumiputra dan saya hendak menyentuh dengan rengkas-nya ia-itu Rumah MARA yang saya pergi membeli barang² di-situ. Apa yang saya dapati barang² yang ada di-Rumah MARA itu banyak pelanggan² yang membeli-nya tidak ada mempunyai kotak yang di-bungkus supaya di-bawa dengan senang. Pembeli² atau pelawat² umpama-nya yang datang daripada luar negeri hendak membeli chendera-mata, atau souvenir, mereka berhajatkan kepada kotak² itu.

Dan yang kedua-nya, Tuan Yang di-Pertua, apabila ada pelawat² atau pelanchong² yang datang dari luar negeri, sa-umpama-nya mereka itu pergi di-Robinson untuk membeli barang², mereka itu beri kad, atau di-tunjokkan kad, kemudian di-tunjokkan sahaja apa barang² yang di-kehendaki oleh pelanchong² dan pelawat² itu. Tetapi di-MARA apakala di-tanya, di-beri kad, umpama-nya pelawat daripada negara Jepun datang hendak membeli di-sana, dia beritahu hendak beli kain batek, hendak beli itu dan beli ini, kemudian dia beri kad untuk di-parcelkan untuk pergi ka-negara Jepun atau lain² negeri. Tetapi

apa jawab-nya penjual di-bangunan MARA itu kata-nya tidak boleh. Jadi ini-lah satu perkara yang patut di-ubah supaya dapat perusahaan bumiputra di-hantar dengan melalui parcel dan lain²-nya seperti mana yang di-kehendaki. Dan ada pelawat² atau pembesar², mereka tidak mahu hendak membimbit barang², hendak bawa banyak², sa-balek-nya mereka berkehendakkan supaya barang² itu di-hantar terus ka-negara-nya.

Dan yang akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, di-atas perusahaan bumiputra. Bagaimana rakan² kita telah berchakap tadi yang mana bumiputra ini hendak masuk di-lapangan perusahaan. Oleh itu pehak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan juga pehak MARA patut-lah ambil initative atau daya usaha yang baik bagaimana chara atau memikirkan, kalau-lah barang² itu datang daripada negeri Kelantan kerana hendak di-lariskan atau hendak di-majukan kain² batek dan perusahaan² pertukangan tangan dan lain²-nya, apakala kapal² masuk di-pelabuhan², patut-lah MARA membawa barang² ini pergi ka-tepi² pelabuhan untuk menjualkan barang² di-atas perusahaan² ra'ayat kita bumiputra. Jadi saya rasa itu-lah sahaja tegoran saya mudah²an mendapat perhatian bagi pehak MARA untuk menolong bumiputra supaya perusahaan, atau perniagaan mereka itu dapat lebeh laris dan lebeh maju lagi bagi masa yang akan datang. Terima kaseh.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun ada tegoran² terhadap Kementerian saya, ia-itu Kementerian Pengangkutan berhubung dengan permit teksi, atas tegoran² itu saya ucapkan berbanyak terima kaseh. Perkara² yang di-bangkitkan berkenaan permit teksi ini yang di-katakan tadi di-lain² tempat yang teksi ini di-Ali Babakan, tetapi barangkali tegoran² itu hanya sa-kali imbas berkenaan dengan dasar. Oleh kerana telah soalkan perkara teksi ini, maka saya suka-lah memberi pandangan sedikit. Dasar bagi membahagikan teksi², atau kereta² sewa ini kepada pemohon² memang-lah sudah di-tetapkan. Apabila tempat bagi sa-sabuah

Negeri yang penduduk-nya terdiri daripada orang² Melayu-nya peruntukan quota-nya sudah penuh, maka kita akan bukakan kepada semua pemohon² yang bukan bumiputra juga, tetapi ada beberapa negeri mithal-nya tiga atau empat buah negeri yang belum lagi chukup quota-nya yang bilangan penduduk-nya ramai orang² Melayu, maka pemohon² daripada bumiputra sahaja yang akan di-timbangkan. Syarat-nya tentu-lah yang pertama sa-kali ia-lah orang yang memohon sama ada sa-chara bersendirian, bersharikat atau Sharikat Kerjasama, dan orang yang hendak membawa kereta itu hendak-lah tinggal di-tempat yang hendak di-tempatkan teksi itu, kerana di-situ-lah di-kehendaki teksi tersebut membuat perkhidmatan terhadap orang ramai. Ini sudah ada syarat-nya. Kalau pemohon itu tidak ada tinggal di-situ, permohonan-nya memang-lah tidak akan di-timbangkan walau pun mereka bekas S.C.

Yang kedua, pemohon itu hendak-lah ketahui bahawa teksi itu hanya-lah sa-mata² mengambil penumpang² di-tempat tersebut. Ini tujuan yang di-kehendaki oleh syarat² itu. Yang ketiga ia-lah orang yang telah berkhidmat kepada negara umpama-nya bekas S.C., bekas askar, bekas Pasokan² Pertahanan mengikut kepada bawa waktu perkhidmatan-nya dan banyak tanggungan-nya dan berbagai² lagi soalan-nya. Keempat, ada mempunyai wang dengan syarat² yang di-tunjokkan bukti dan dengan syarat yang sa-macam ini-lah, maka pehak Kementerian akan menimbangkan yang teksi itu apabila di-berikan kepada sa-saorang yang ber-kelayakan tinggal di-situ untuk di-bawa-nya sendiri, ada tidak-lah di-Ali Babakan, atau pun di-Kasim Babakan. Tetapi, kalau Ahli² Yang Berhormat tahu bahawa perkara ini banyak lagi, berlaku saya harap-lah dengan kerjasama Ahli² Yang Berhormat perkara Ali Baba dapat di-hendarkan, dan jangan-lah ada yang mengatakan bahawa Menteri Pengangkutan di-ketawakan orang sahaja kerana banyak berlaku Kasim Baba. Saya pun berasa

malu juga, oleh kerana pegawai saya chukup menyelideki atas segala²-nya walau pun keterangan itu datang-nya daripada Penghulu, daripada Polis, daripada Ahli² Yang Berhormat semua kita terima dan di-siasat, kalau betul perkara² itu berlaku, maka tindakan yang keras akan di-ambil dan beberapa banyak teksi² Ali Baba ini telah pun di-potong kebenaran-nya dan di-kumpulkan kepada chara yang beramai² supaya tidak di-Ali Babakan lagi, dan dengan yang demikian akan dapat menguntongan bumiputra kita.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit. Ada dua surat yang saya hantar sendiri dan pada masa ini masuk bulan yang keempat. Kalau betul di-layan segala rayuan dan information itu mengapa sampai *acknowledgement of receipt* pun tidak ada di-terima?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

Saya akan siasat, kalau surat itu di-daftarkan tentu-lah biasa-nya ada acknowledgement; apabila acknowledgement di-terima. Siasatan memakan masa berbulan², kerana tidak boleh kita mengambil satu² tindakan hanya dengan satu keterangan sahaja. Chubalah Ahli Yang Berhormat tunjok bales surat itu kepada saya. Dan saya mintalah kerjasama dari Ahli² Yang Berhormat, Ketua² Kampong, siapa juga yang bertanggung-jawab di-mana² teksi itu di-peruntukkan, kalau tidak ada, tolong berhubung terus kepada pendaftaran di-negeri itu kita akan siasat, kalau betul hukuman berat akan di-ambil.

Yang kedua-nya berkenaan dengan pandangan yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam. Kalau Ahli Yang Berhormat itu dapat menunjukkan di-mana dia punya base teksi itu dan berapa lama sudah tidak ada di-situ, saya akan perentahkan pegawai saya supaya menyiasat dan apa² tindakan yang patut kita akan ambil segera. Itu sahaja-lah, terima kaseh.

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL)

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon meniadakan,

Bahawa sunggoh pun telah ada sharat² yang di-tetapkan di-dalam Peratoran Meshuarat 12 (1) dan dengan tidak menghiraukan ketetapan yang di-ambil oleh Majlis ini pada 12hb Februari, 1968. Meshuarat Majlis ini pada hari ini akan di-sambong sa-mula pada pukul 7.30 malam dan bukan-lah pada pukul 4.00 petang dan meshuarat tidak akan di-tanggohkan sa-hingga pukul 10.00 malam ini.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa sunggoh pun telah ada sharat² yang di-tetapkan di-dalam Peratoran Majlis 12 (1) dan dengan tidak menghiraukan ketetapan yang di-ambil oleh Majlis ini pada 21hb Februari, 1968. Meshuarat Majlis ini pada hari ini akan di-sambong sa-mula pada pukul 7.30 malam dan bukan-lah pada pukul 4.00 petang dan meshuarat tidak akan di-tanggohkan sa-hingga pukul 10.00 malam.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ini di-tanggohkan hingga pukul 7.30 malam ini.

Persidangan di-tanggohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada 7.35 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2), 1967

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, two Honourable Members, the Honourable Member for Kuala Trengganu Utara and the Honourable Member for Hilir Perak,

were very emotional when they spoke on the alleged increasing frustration of the Malays, or the bumiputras, in that they were not getting a bigger share in commerce and industry at the rate which they hoped it could be. Sir, if the Honourable Members had used their heads instead of their hearts, they would have realised, and they would have known, what the policies of the Government are, how these policies have been implemented and what all the Ministries have done. Unfortunately, they chose to criticise the Government, to lay the fault on the Government, and even on some Ministries, for the slow rate at which the Malays have taken part in commerce and industry. Although my Ministry sponsored the building of small factories by the Malaysian Industrial Estates Limited for the specific purpose of helping the Malays, or the bumiputras to set up factories in Petaling Jaya, unfortunately, these offers had not been taken up and these two Honourable Members have put the blame on my Ministry for not finding the number of Malays to start factories there.

I would like to draw the attention of the Honourable Members that it is the Alliance Government's policy to raise the living standards of all the peoples in this country at the rate of more than 1 per cent per annum, and that in a space of 20 years the per capita income would be increased by at least one third. The second objective is to ensure that the poorest one-third of the people in Malaysia living in the rural areas would benefit from this increased economic growth of the country in the shortest possible time. These targets of development by the Alliance Government have drawn great interest from lots of people and I would draw the attention of all Honourable Members to the *Economic Review* of the United Malayan Banking Corporation, a copy of which has been supplied to every Member in the House, to the article written by Professor William B. Gates Jr. who commented on our Development Plan. It is usual, no matter what country launches on economic development, that it is the agricultural or the rural people, who would benefit

last in any economic growth, simply because of their great number, the shortage of land and the inability to modernise their techniques.

In Malaysia, however, this is what Professor Gates has to say, and with your permission, may I quote, Sir:

"Now, the fascinating thing about Malaysia is that the very poor may not have to wait for an advanced stage of industrialisation for their labour shortage. A rapid growth of industry we must have to provide jobs for an expanding urban population and for some drift of the rural people into cities, but Malaysia has a combination of assets which, if used with courage and imagination, makes possible a short cut of the usual development model."

And he substantiates this by saying that the reasons why Malaysia is in such a position are: (1) there is a supply of unused productive land which even in West Malaysia is as large as that now cultivated; (2) there is a strong public and private capital position; (3) unusually favourable investment climate; (4) a sizeable entrepreneur, administrative and managerial class; and (5) resources and people of tested suitability for a diversity of crops with a broad and growing export market.

Sir, it is the intention of the Government to narrow the gap between the *haves* and the *have-nots*, particularly the *have-nots* of the Malay or bumiputra class, and millions upon millions of dollars have been invested by the Government in such projects to raise the standard of living of the Malays and for them to participate in commerce and industry. Special bodies like MARA and the Bank Bumiputra have been set up, not only to give them financial assistance but also to educate, to train, to find opportunities for the Malays. MARA has a special section called the Section on Commerce and Industry, which works very closely with my Ministry, where we assist them to the best of our ability, to the extent that is possible to establish and encourage the formation of Malay firms, commercial firms, and factories; and had it not been for the co-operation of my Ministry the project of setting up a joint venture factory to manufacture

cotton textiles by MARA and a foreign company could not have been achieved.

Sir, it is however a consolation sometimes to be able to read in the *Utusan Melayu* that there are people, leaders of the Malay community, who appreciate what the Government has done and who have recognised the reasons why the bumiputras are still backward in the economic field, and by strange coincidence, Sir, the *Utusan Melayu* today carries a rather interesting article on The Revolusi Mental amongst the Malays—the Mental Revolution amongst the Malays—and if I might quote part of the passages, and I hope the *cherdek pandai*, the political leaders of the Malays, will study the views expressed in this paper. Sir, this paper says:

"Memang tidak dapat di-nafikan sekarang bahawa satu perubahan chara berfikir perlu di-adakan di-kalangan orang² Melayu. Kerajaan sudah menjalankan tugas yang diperlukan. Kita tidak pula menafikan bahawa ada antara cherdek pandai kita itu terutama sa-kali yang bekerja dengan Kerajaan telah ada memberi sumbangan dan bantuan yang di-maksudkan itu tetapi umum-nya bilangan mereka itu terlalu kecil kalau hendak dibandingkan dengan bilangan semua cherdek pandai kita yang bekerja dengan pendapatan yang lumayan sekarang ini."

Then it goes on to diagnose the reasons why there is backwardness in the Malay economy—and this is rather interesting—and it says here:

"Tetapi kadang² ada yang tidak dapat mengertikan oleh ra'ayat ia-lah chara mereka menghapuskan masa² yang terluang. Kita tahu bahawa banyak antara ra'ayat jelata yang merasa kagum dengan usaha² pembangunan yang di-jalankan oleh Kerajaan sekarang ini, dan ada baik kalau cherdek pandai kita itu mengingatkan ra'ayat bahawa rasa kekaguman itu sahaja tidak akan mendatangkan hidup yang lebih sempurna kalau ra'ayat jelata tidak menyertai dan memainkan peranan sama dalam segala rupa kerja pembangunan² tadi."

Sir, I think the views expressed here are very sincere, very useful and perhaps the *cherdek pandai* of the backbenches should study this and see what they can do to assist the Government to increase the standard of living amongst the Malays.

The Honourable Member for Muar Utara criticised the Honourable Minister of Transport for allowing not only

"Ali Babas" but "Kssim Babas" in the taxi service. Sir, this is indeed a paradox. The Minister of Transport has gone out of his way, has made special provisions to give taxi licences to Malays even on a quota system, and if the recipient of this licence chooses not to make full use of it, why blame the Government? That Sir, in a nutshell, is what is happening today.

Dr Ng Kam Poh: Mr Speaker, Sir, in winding up this debate on the motion for the Development (Supplementary) (No. 2) Estimates, 1967 the Member for Penang Utara brought up several questions concerning the Ministry of Finance. He castigated the Government because we did not raise the Development Tax from \$500 to \$3,000. Now, in Penang there are two schools of thought. Sir, one is from the Member for Penang Selatan, who is quite happy, when the tax relief was raised from \$500 to \$2,000 and the other is from the Member for Penang Utara who is not happy. Now, which of those represent Penang—Utara or Selatan? I do not know. Selatan says he is quite happy; Utara says he wants \$3,000; perhaps, Utara wants \$5,000 or \$6,000 or no tax at all. If he can show us a way where we can get a certain amount of money, I will be very, very happy to abolish the Development Tax altogether—I say if he can give me the means whereby we can get the same amount of money and not criticise the Government. Besides, this, Sir, I would not comment any further since the Honourable Minister of Finance has already replied to this in his speech.

Extensions of Customs Duties—I can assure the Honourable Member for Penang Utara that the Penang State authorities are aware of the extensions and they are fully cognizant of the fact that what has been brought forth in Penang has been brought to their notice.

As regards the alleged effect of the 2 per cent surtax on the entrepot trade in Penang if the Honourable Member is willing to give us specific instances of hardship, I am quite sure the Minister of Finance will look into this matter and will reconsider it, if necessary.

Last, but not least, Sir, the sum of \$12 million given to the State Government for the purpose of acquiring land for development of industrial sites is a concrete proof, and a very, very sincere gesture, on the part of the Federal Government to assist Penang in adjusting itself as a result of the extension of certain customs duties to the Island. I am sure the Honourable Member for Penang Utara will appreciate that the development of industrial sites in the State will contribute to the general economic prosperity of the people.

Lastly, Mr Speaker, Sir, we know that the elections are coming very near—next year—and Honourable Members of this House would like to voice their opinions, because they want to get the support of their constituents. This is understandable to all of us, but by raising the question of development tax in the Supplementary Estimates, I think the Member for Penang Utara who, I regret, is not here to listen to me, is going a bit too far. Besides that, Sir, I have nothing more to add. Thank you.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Bahawa menurut Peratoran Meshuarat 67C usul dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1967, di-serah kepada Jawatan-kuasa sabuah² Majlis.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengeruskan Jawatan-kuasa*)

Kepala² 101 dan 115—

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan dua chara peruntokan, satu di-bawah Kepala 101 dan lagi satu di-bawah Kepala 115 di-dalam perkara Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya di-luluskan dan menjadi sabahagian daripada jadual.

Berkenaan dengan peruntokan di-bawah Kepala 101 peruntokan tambahan sa-banyak \$100,010 ini di-kehendaki oleh sebab Perbendaharaan

telah menetapkan bahawa mulai daripada 1 haribulan Jun, 1967, tuntutan² Pengangkutan dan Perjalanan pegawai² yang bertugas dengan projek² pembangunan boleh-lah di-bayar dari peruntukan baharu di-bawah tajok Pengangkutan dan Perjalanan di-wujudkan dalam Anggaran Pembangunan di-bawah kawalan Kementerian² yang berkenaan. Sa-belum daripada ini, tuntutan² seperti itu di-kenakan kepada peruntukan Pengangkutan dan Perjalanan dari anggaran biasa. Jumlah yang sa-benar-nya di-kehendaki ia-lah sa-banyak \$210,000 akan tetapi \$99,990 telah di-perolehi dengan chara pindah peruntukan dalam Pechahan-kepala 2—Penyiasatan Perangkaan.

Berkenaan dengan Kepala 115, Tuan Pengerusi, di-bawah Polis di-Raja Malaysia, saya suka juga memberitahu Dewan bahawa sa-bagaimana Kepala 101 permulaan dari 1 haribulan Jun, 1967, mengikut surat² perkelilingan Perbendaharaan Bilangan 14 tahun 1967, perbelanjaan Pengangkutan dan Perjalanan untuk pegawai² yang sa-chara langsung bertanggung-jawab menyelia ranchangan² pembangunan di-pehak Polis di-Raja Malaysia, mestilah di-tanggung oleh peruntukan Anggaran Pembangunan jabatan masing². Satu Pechahan-kepala baharu Pechahan-kepala 17—Pengangkutan dan Perjalanan ada-lah sedang di-wujudkan dan belanja pendahuluan sa-banyak \$10.00 Contingencies Advance Reserve juga sedang di-pohonkan. Di-masa yang lepas sa-bagaimana saya nyatakan tadi tuntutan² Pengangkutan dan Perjalanan ada-lah di-bayar daripada peruntukan Pengangkutan dan Perjalanan yang terdapat dalam anggaran biasa belanja pendahuluan sa-banyak \$10.00 yang telah di-pinjamkan daripada Contingencies Reserve untuk mewujudkan satu Pechahan-kepala baharu dan jumlah perbelanjaan sa-banyak \$9,990 telah pun di-perolehi dengan chara memindahkan peruntukan daripada Kepala 65—Pasokan Polis Beranjing.

Tuan Pengerusi, saya pohon minta di-luluskan peruntukan² sa-banyak yang saya sebutkan tadi supaya di-luluskan.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$100,010 untuk Kepala 101 dan wang sa-banyak \$10.00 untuk Kepala 115 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1967.

Kepala 103—

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan (Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, dengan kebenaran tuan, saya mohon izin mengemukakan supaya peruntukan di-Kepala 103—Radio Pechahan-kepala 8 dan 13 berjumlah sa-banyak \$20 di-luluskan.

Keterangan lanjut berkenaan dengan perkara² ini ada terchetet dalam Command Paper No. 8 muka 4. Sekian-lah, Tuan Pengerusi, saya menchadangkan.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$20 untuk Kepala 103 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1967.

Kepala 117—

Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri (Tuan Chen Wing Sum) (dengan izin): Mr Chairman, Sir, I beg to move that the token vote of \$10 appearing under Head 117, Malaysian Armed Forces, be approved.

The details of the token sum appears in Command Paper No. 8 of 1968.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10 untuk Kepala 117 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1967.

Kepala 120—

Dr Ng Kam Poh (dengan izin): Mr Chairman, Sir, I beg to move that the token vote of \$10 under the Ministry of Finance Head 120—Royal Customs and Excise (Malaya), be taken as part of the Schedule.

Explanation is given in Command Paper No. 8 of 1968. I, therefore, need not explain this to this House because it is only a small sum.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10 untuk Kepala 120 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1967.

Kepala 121—

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun): Tuan Pengerusi, Kepala 121—Kementerian Perdagangan dan Perusahaan \$12 juta: bekalan tambahan berjumlah \$12 juta ada-lah di-kehendaki sa-bagai pinjaman wang kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya membolehkan Kerajaan Negeri hendak membeli lebih kurang 2,000 ekar tanah di-Prai bagi kegunaan kawasan perusahaan yang chukup dengan perkhidmatan-nya.

Tuan Pengerusi, saya mohon men-chadangkan.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$12,000,000 untuk Kepala 121 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1967.

Kepala² 122; 131; 132; 135; 137 dan 138—

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, saya mohon men-chadangkan supaya peruntokan² di-bawah Kepala 122—Pelajaran, Kepala 131—Orang Asli, Kepala 132—Kehutanan, Kepala 135—Drainage and Irrigation, Kepala 137 dan 138 di-luluskan oleh Dewan ini. Keterangan² yang lanjut ada terkandung di-muka 6, 7, 8, 9, dan 10 dalam Command Paper Nombor 8 tahun 1968.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10 untuk Kepala 122; \$10 untuk Kepala 131; \$20 untuk Kepala 132; \$50 untuk Kepala 135; \$10 untuk Kepala 137 dan \$10 untuk Kepala 138 di-setujukan jadi sa-

bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1967.

Kepala² 140, 146, 147 dan 149—

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, Kepala² 140, 146, 147 dan 149; peruntokan² yang di-bawah Kepala² ini supaya di-jadikan sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1967. Keterangan² ada terkandung dalam Command Paper No. 8 tahun 1968.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10 untuk Kepala 140; \$10 untuk Kepala 146; \$20 untuk Kepala 147 dan \$10 untuk Kepala 149 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1967.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Bahawa Dewan ini menetapkan ia-itu wang tambahan berjumlah tidak lebih daripada \$12,100,220 di-belanjakan daripada kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1967, dan untuk melaksanakan tujuan² Kepala² dan Pechahan-kepala² yang terchatet di-ruangan pertama dan kedua dalam Penyata yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bilangan 7 tahun 1968, maka jumlah² yang bertentangan dengan Kepala² dan Pechahan-kepala² di-ruangan kelapan dan kesembilan itu ada-lah di-peruntokkan bagi tujuan masing².

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mema'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa telah menimbang-kan usul yang di-serahkan kapada-nya, dan saya sa-terus-nya men-chadangkan supaya usul yang di-bahathkan itu di-setujukan.

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Bahawa Dewan ini menetapkan ia-itu wang tambahan berjumlah tidak lebih daripada \$12,100,220 di-belanjakan daripada kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1967, dan untuk melaksanakan tujuan² Kepala² dan Pechahan-kepala² yang terchatet di-ruangan pertama dan kedua dalam Penyata yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bilangan 7 tahun 1968, maka jumlah² yang

bertentangan dengan Kepala² dan Pechahan-kepala² di-ruangan gelap dan kesembilan itu ada-lah di-peruntukkan bagi tujuan masing².

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² (MENGUAT-KUASAKAN NAFKAH) PEREMPUAN BERSUAMI DAN KANAK²

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas masaalah "Bahawa Rang Undang² ini di-bachakan kali yang kedua sekarang." (20hb Februari, 1968).

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor):

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan perasaan yang gembira memberi sokongan kepada perlaksanaan Rang Undang² (Menguat-kuasakan Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak² yang telah di-kemukakan oleh pehak Menteri yang berkenaan kerana dengan berjalan-nya kuat-kuasa Undang² itu, maka sedikit sa-banyak akan terbelalah nasib kaum isteri dan anak² yang di-takdirkan berpisah dari suami dan bapa² mereka. Sa-benar-nya peratoran² yang hendak kita jadikan Rang Undang² ini sudah pun ada di-jadikan Undang² oleh Negeri Johor guna menyelesaikan masaalah² yang terbit dari pencheraian antara suami isteri, tetapi malang-nya keputusan Mahkamah Syariah dan Mahkamah² Undang² Negeri tidak begitu di-patohi oleh suami yang berkenaan dengan pencheraian itu sa-kali pun dengan potongan gaji kerana ketua² dimana² tempat suami² yang berkenaan dengan nafkah anak isteri-nya itu tidak sanggup menjalankan tugas memotong gaji kerana tidak ada Undang² yang memberi kuasa kepada-nya berbuat demikian.

Apa yang mereka boleh buat ia-lah dengan chara menasihatkan sahaja bekas suami itu supaya menyempurnakan janji²-nya kepada Mahkamah Syariah atau pun Mahkamah Undang² untok menunaikan nafkah anak dan isteri mereka sa-bagai mana yang telah di-hukumkan ka-atas-nya. Jadi,

dengan chara demikian, 2 daripada 10 orang bekas suami pun payah di-dapati yang benar² ta'at akan keputusan² yang telah di-tetapan oleh mahkamah² itu. Kalau ada pun hanya sa-bulan dua sahaja yang mereka patoh; sa-lepas itu jangan-lah di-harap bekas² isteri boleh menerima nafkah-nya seperti yang telah di-putuskan oleh mahkamah itu. Oleh yang demikian sa-muga dengan ada-nya kuat-kuasa yang baharu ini, maka akan dapat-lah di-jalankan keputusan Mahkamah Undang² kepada suami² yang mencheraikan isteri-nya itu dengan tegas dan bekas² suami itu pula tidak-lah akan berpeluang menchuai²kan lagi tanggong-jawab-nya terhadap anak² dan isteri mereka di-dalam masa² yang di-tetapan oleh mahkamah ini.

Sa-lain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga melahirkan harapan sa-muga di-satu masa yang akan datang dapat pula Majlis yang berbahagia ini meluluskan satu lagi Rang Undang² yang lebih tegas dan penting kepada kaum wanita yang menerima nasib menjadi janda, ia-itu Undang² Pembahagian Harta Sa-pencharian, harta yang di-chari bersama² semenjak sa-pasang suami isteri di-ijab-kabulkan. Sebab sa-bagai satu perkongsian hidup yang sah di-sisi ugama dan adat kebudayaan masyarakat orang² Islam supaya mudah²an dengan terchipta-nya Undang² sa-umpama itu maka tidak-lah akan sia² perkongsian tenaga dan susah senang yang di-alami oleh sa-pasang suami isteri itu di-kala si-isteri di-cheraikan oleh suami-nya. Maksud saya kalau di-takdirkan jodoh mereka telah habis, namun harta kepunyaan yang terkumpul di-dalam masa mereka berkongsi hidup itu akan terbahagi dua dan kedua² pehak boleh mendapat faedah-nya, dan tidak seperti masa ini susah-payah sama di-tanggong apabila bercherai harta terpulang kepada milek suami sahaja, kechuali nafkah yang kalau tidak ada kuat-kuasa seperti yang kita perbincangkan hari ini, maka hukuman² yang di-putuskan oleh mahkamah pun tidak di-hiraukan, atau di-takuti oleh kaum suami. Akibat-nya si-isteri yang di-cheraikan itu membawa nasib-nya sendiri keluar dari

rumah yang mereka bena kehidupan bersama² itu dengan membawa bungkus baju dan apa yang ada di-tuboh badan-nya pada mereka sahaja.

Sa-benar-nya keadaan yang serupa ini-lah yang sangat menyedihkan kaum wanita sa-kalian-nya. Dan dengan sebab² ini-lah juga maka-nya sekarang sa-makin nyaring kedengaran suara kaum wanita menuntut pembelaan nasib kaum sa-jenis-nya supaya diberi perhatian yang sa-wajar-nya oleh pehak Kerajaan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, saya turut berchakap sadikit sa-banyak berkenaan dengan Rang Undang² yang di-namakan Rang Undang² (Menguatkuasakan Nafkah) Perempuan Ber-suami dan Kanak².

Tuan Yang di-Pertua, pada dasar-nya saya menyokong Undang² ini, tetapi saya meminta supaya Rang Undang² ini di-rojokkan kepada Select Committee dengan alasan² yang berikut. Tuan Yang di-Pertua, permintaan saya supaya di-rojokkan kepada Select Committee ini bukan-lah kerana sentimen padahal saya telah menyokong pada dasar-nya, tetapi ia-lah kerana saya dapati pada pandangan saya, Rang Undang² ini bukan sahaja mengandongi chachat², tetapi jikalau di-timbang betul² di-dapati chachat-nya lebih banyak daripada yang tidak chachat-nya. Dengan demikian saya harap Menteri yang berkenaan sudi-lah sekali Undang² ini yang di-bawakan supaya di-rojok, mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² yang di-namakan Rang Undang² Menguatkuasakan Enforcement Law, tentu-lah terlebih dahulu daripada itu sudah ada undang² yang lain dan saya telah pergi ka-library saya dapati ada tiga Undang², ia-itu Ordinance No. 55 tahun 1949, yang kedua Ordinance No. 36 tahun 1950, dan yang ketiga ia-itu Divorce Ordinance No. 74 tahun 1952.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya membacha, boleh jadi saya silap sebab saya bukan sa-orang Lawyer, tetapi saya dapati Undang² yang pertama itu bukan Undang² hendak membela wanita² atau perempuan² yang mempunyai suami atau pun anak² di-negeri

ini, ia-itu sengaja di-buat Undang² itu kerana hendak tuntutan nafkah kepada orang² puteh yang datang di-sini waktu dia tidak bawa isteri²-nya, dia kahwin dengan orang sini, kemudian dia balek di-England, balek di-England tinggal-lah orang di-sini, sama ada dia orang Melayu atau pun China. Jadi, Undang² ini di-buat di-England dan Northern Eire, bukan di-buat di-Malaya ini. Jadi, saya hairan satu negara yang sudah Merdeka hendak meminta kita enforcekan Undang² penjahaj yang dahulu.

Saya tidak fikir Menteri akan menolak benda ini kalau dia bukan satu orang yang sentimen, tetapi kalau beliau itu sa-orang yang sentimen, saya sa-orang di-sini tentu-lah tidak dapat hendak lawan, Tuan Yang di-Pertua. Bukti-nya, Undang² ini di-buat oleh Henry Gurney dan Seal atau Chap Mohor Federation of Malaya ini disaksikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Abdul Rahman dan Tengku Alam Shah pada 30hb November, 1949, dan di-luluskan di-England pada 1hb Disember, 1949. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hairan. Undang² ini saya bacha ada mengandongi 12 Section sahaja dan Section 8 itu, ia-itu chara² hendak menjalankan Order, hukuman ini terbahagi dua di-dalam kita di-sini ia-itu kalau Malay States barang siapa tidak patoh kepada Order ini, dia akan di-tudoh bersalah di-bawah Undang² Penal Code (Chapter 35), tetapi di-Pulau Pinang dan di-Melaka tidak begitu pula, dia hanya merupakan satu Minor Offence sa-bagaimana terchatet dalam Part 9, Minor Offence Ordinance. Jadi, Minor Offence macham orang naik basikal, jika tersilap sadikit, jadi perempuan Melayu dengan perempuan China kahwin orang Puteh, jadi salah-nya sama dengan orang naik basikal tidak pakai lampu. Jadi, ini-lah Undang² yang kita hendak luluskan dan saya berani-lah berhadapan dengan Menteri ini membawa Ordinance itu, kalau saya silap dia boleh tunjukkan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Undang² No. 36 tahun 1950. Yang ini ada mengandongi 13 Section sahaja. Konon-nya undang² yang lama ini-lah yang hendak di-perbaiki, sa-bagaimana

Ahli yang baharu berchakap ini dalam kita hendak membinhang yang ini awal² lagi sudah dia harap satu Undang² yang lebeh baik lagi daripada ini, bererti dia sudah tidak perchaya kapada Undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, Undang² ini di-buat oleh Henry Gurney dan disaksikan oleh Tuanku Abdul Rahmah dan juga Tengku Alam Shah pada 30hb Jun, 1950 dan di-luluskan di-England dan di-Northern Eire pada 4hb Julai, 1950. Jadi, erti-nya kira² dalam sa-bulan itu di-luluskan yang ini, Tuan Yang di-Pertua, mengandongi 13 Section; Section 4 yang menggelikan hati saya dalam Undang² itu; saya terjemahkan dalam bahasa Melayu, saya belajar di-Sekolah Arab, Tuan Yang di-Pertua, barangkali saya silap dalam bahasa Inggeris-nya, tetapi saya terjemahkan bagini.

Sekshen yang ka-empat tujuan-nya, barang siapa engkar tidak mahu ikut undang² ini, dia kena hukum satu bulan jel bagi tiap² sa-bulan nafkah. Mithal-nya, di-hukum kapada orang ini ia-itu kata-lah kapada Abdul-Rahman Ya'kub, mithal-nya, dia kena bayar sa-bulan \$50.00 dan dia sudah tiga bulan tidak membayar, erti-nya di-kena bayar sa-banyak \$150.00, maka dia kena tiga bulan jel ia-itu sa-bulan² nafkah itu satu² jel

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, nama Abu Bakar Hamzah tidak ada di-sebut.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah bercheraai dan tidak pernah kahwin dua. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan di-mana criterion atau kaedah-nya mengenakan hukuman satu orang sa-bulan jel dengan sa-bulan nafkah atau maintenance itu. Saya tengok, English law pun tidak ada kaedah macham ini; tengok French law pun tidak ada; barangkali colonialism law ada yang sa-macham itu. Saya hairan juga kebetulan, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ini sa-orang lawyer dan sa-kurang²-nya kalau dia tidak deraf pun waktu dia mengemukakan itu, tentu-lah dia memikirkan lebeh jauh sadikit. Ini-lah

yang saya hendak minta rojokkan Rang Undang² ini kapada Select Committee, saya bukan menolak; pada dasar-nya saya sokong Rang Undang² ini. Sa-patut, Tuan Yang di-Pertua, saya lebeh dahulu membawa undang² ini, sebab undang² ini ada bersangkut-paut dengan Ugama. Saya berasa malu juga, tetapi saya ucapkan berbanyak terima kaseh kerana di-bawa oleh pehak sa-belah sana dan sa-patut-nya Kerajaan dapat menerima chadangan saya itu supaya di-serahkan kapada Select Committee.

Sekshen 5, Tuan Yang di-Pertua, cheraian yang kedua, isteri itu tidak berhak mendapat sa-barang nafkah, kalau dia hidup di-dalam *adultery*. Saya pereksa perkataan *adultery* ini, ia-itu bernikah yang tidak halal; tetapi tidak pula reciprocal-nya, hukum reciprocal-nya ada, ia-itu kalau si-laki² itu mempunyai sa-orang isteri yang tidak kahwin, tidak ada hukum di-situ. Jadi, orang perempuan sahaja kena hukum, kalau dia buat tidak betul dia tidak dapat nafkah. Si-laki² buat tidak betul, tidak ada reciprocal-nya. Kalau si-perempuan itu minum arak, erti-nya bila pulang ka-rumah si-suami-nya itu beri penampar. Kalau si-suami balek dengan botol arak si-perempuan itu tolong simpan dalam peti sejok. Jadi, ini satu perkara yang tidak 'adil yang ada di-dalam undang² ini.

Sekshen yang ke-13 ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi satu chachat yang besar, ia-itu sekshen yang ke-13 ini menyerahkan kuasa kapada State Assembly atau Dewan Undangan Negeri boleh membuat undang² khas dengan syarat tidak kena-mengena dengan orang² yang bukan Islam. Erti-nya, urusan orang² Islam suami isteri ini terserah kapada State itu sendiri. Jadi, erti-nya undang² ini not *effective* juga, tidak berjalan, sebab dia sudah memberi kuasa kapada satu pehak yang lain. Jadi, terkena-lah kapada orang² China, mithal-nya, yang bukan Islam: undang² ini tidak merupakan national. Yang saya mahu dalam Malaya yang merdeka ini satu undang² yang national, merupakan di-putusan dalam Dewan. Kalau sa-kira-nya undang² ini di-putusan dan di-serahkan balek kapada State, kita

sudah jadi pak turut kepada satu body yang subordinate kepada kita. Tuan Yang di-Pertua, sa-patut-nya body yang subordinate itu-lah mengharap-kan kepada kita. Kita luluskan undang² di-sini, kemudian serah kepada State; paling tinggi kita boleh buat, kita mengharapkan siang dan malam dengan khayalan supaya State itu tolong dengan murah hati hendak adopt undang² ini menjalankan di-sana. Kalau dia tidak mahu, sa-chara kechil, kita tidak boleh buat apa. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, chara yang sa-macham ini amat-lah mendukachitakan ter-utama pula dalam negeri kita ini menganuti bermacham² mazhab, ada yang mazhab Shafii, ada yang tidak mazhab, maka undang² itu tidak sama. Sa-bagaimana yang nampak di-Pulau Pinang memandang kesalahan itu sa-bagai Minor Offence dan dalam Negeri² Malay States di-pandang sa-bagai kesalahan di-bawah Undang² Criminal. Jadi, begitu juga apabila di-serahkan kepada State, ada yang faham Ahli Sunnah wal jumaah, ada yang faham Shafii kechuali kalau kita boleh centra-lise Majlis² Ugama itu, maka di-masa itu sahaja undang² kita ini boleh ber-jalan. Jikalau tidak, saya rasa ini wasting time, atau pun political stunt, sebab dekat² hendak Pilehanraya ini buat-lah satu undang², yang kalau boleh saya sebut, undang² hendak mengabui mata ra'ayat, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam undang² yang ketiga ia-itu Divorce Ordinance No. 74 tahun 1952 ada banyak sedikit mengandung sek-shen—51 sekshen. Ini di-buat oleh General Templer pada 31hb Januari, 1952 dan di-sahkan pada 1hb April, 1953, dengan di-saksikan oleh Sultan Abu Bakar Abdullah dan Sultan Yusof ia-itu daripada Pahang dan Perak—mengandung 51 sekshen.

Sekshen yang ke-36 Mahkamah menentukan

Tuan Yang di-Pertua: Ada-kah hendak di-bacha semua² 51 sekshen itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tidak Tuan Yang di-Pertua, saya chabutkan ia-itu sekshen yang ke-36 mahkamah menentukan custody ia-itu hendak milek budak itu. Jadi, Tuan

Yang di-Pertua, kalau kita serahkan kepada hukuman Islam ada pula masa dia menyusu, ibu-nya dapat; masa dia sudah besar, dapat kepada bapa-nya boleh memelihara budak itu, tetapi di-dalam undang² ini menyerahkan kepada mahkamah. Jadi, saya tidak faham ada-kah undang² ini lebeh tinggi daripada undang² Islam atau pun mahkamah itu yang menjalankan kuat-kuasa-nya. Apa yang saya dapat tahu sa-bagaimana di-negeri Johor Ahli Yang Berhormat tadi beri tahu, ia-itu orang tidak peduli hukum itu kerana undang² itu tidak di-jalankan—sa-bagai satu nasihat, atau *advisory* sahaja tidak merupakan undang² betul. Jadi, kalau macham ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-kali lagi kita luluskan ini hendak enforcekan, kita hendak enforce ini hendak menjalankan kuat-kuasa, sedangkan kita sudah memberi kuasa kepada Negeri itu. Jadi, macham mana kita hendak enforce benda itu, kechuali kalau kita ambil kuasa itu kepada kita? Mengambil kuasa itu tidak boleh ber-laku melainkan di-pusatkan dahulu kepada Majlis² Ugama itu. Jadi, ini pun macham dahulu juga-lah $2 \times 5 = 10$, $5 \times 2 = 10$ juga, tidak ada bedza, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam sekshen ini juga ia-itu sekshen 21, cherai (1) Mahkamah boleh menentukan orang itu bercherai, ia-itu Judicial Separation. Saya tidak tahu bagaimana mahkamah itu boleh men-entukan orang ini patut bercherai atau pun tidak, kechuali kepada hukum ugama masing², atau pun keperchayaan Islam dengan Islam-nya, Kristian dengan Kristian-nya. Tetapi Mahka-mah itu boleh menentukan orang ini patut bercherai dengan tidak merojok-kan kepada hukum Ugama. Saya tidak fikir benda ini boleh berjalan.

Sekshen yang ke-42 ada pula di-dalam bichara itu *Sitting in Camera*, ia-itu bichara dalam tempat tertutup. Apa yang hendak di-cheritakan di-tempat yang tertutup itu pun saya tidak tahu, sebab kalau dia tidak beri duit, tidak payah-lah di-bawa masok dalam bilek dan di-tanya sunggoh-kah suami kamu tidak memberi nafkah. Boleh bertanya berhadapan bagini. Jadi, hendak pergi bertanya dalam bilek bertutup itu tentu-lah hendak bertanya

benda yang sulit; benda yang sulit tidak masuk dalam nafkah, Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang² Mahkamah, kechuali dalam Ugama Islam, iaitu nafkah zahir dan nafkah batin dan itu pun tidak boleh di-jalankan dalam Mahkamah ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, undang² yang ketiga ini pada mula-nya chuba hendak menselaraskan (consolidate law) itu semua dan akhirnya tidak juga berjalan, walau pun sudah *consolidate* dia menjalankan, tidak boleh juga hendak menjalankan, maka di-adakan-lah satu undang² yang di-hadapan kita itu dan undang² ini pun tidak memansuhkan undang² itu semua. Saya menggambarkan kepada pehak Kerajaan lebih baik kita repeal undang² yang lama itu yang di-buat oleh penjajah itu, kemudian kita petek apa yang baik daripada undang² itu, kita buat dan kemukakan undang² lain. Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang saya kemukakan; saya tidak hendak berchakap banyak, tetapi saya minta Rang Undang² ini di-rojokkan kepada Select Committee memandang kepada tiga undang² yang saya baca ini tidak layak di-perkuat-kuasakan dalam sa-buah negara yang merdeka. Terima kasih.

Tuan Mohamed Zahir bin Haji Ismail (Sungei Patani): Tuan Yang di-Pertua, sa-belum di-jalankan kuat-kuasa undang² Administration of Muslim Law di-Negeri² di-Malaysia Barat, kaum ibu dan golongan orang² Muslim telah menuntut sara nafkah mereka atau sara nafkah dan sara pelajaran untuk anak² mereka di-bawah undang² Married Women and Children (Maintenance) Ordinance, 1950. Practice ini telah berjalan dengan baik-nya dan ada-lah memberi segala puas hati untuk menjaga muslimat perempuan² bersuami dan kanak² yang di-tinggalkan oleh suami atau bapa mereka.

Manakala di-kuat-kuasakan undang² pentadbiran Muslim di-Negeri² di-Malaysia Barat, maka telah di-adakan satu syarat di-dalam Undang² Negeri itu, ia-itu segala tuntutan sara nafkah perempuan² yang berkahwin dan kanak² Muslim hendak-lah di-buat di-dalam Mahkamah Shariah yang di-tubuhkan di-bawah Undang² negeri itu. Dari semenjak itu maka Mahkamah Tengah

atau Session Court atau Magistrate Court Class 1 tidak lagi berkuasa di-atas tuntutan² ini dari perempuan² atau kanak² Muslim. Yang demikian maka menjadi-lah perasaan yang tidak puas hati di-dalam kalangan kaum ibu Muslim dan kapada kaum bapa juga kerana pentadbiran tuntutan² ini yang di-jalankan di-Mahkamah Shariah tidak berapa lichen seperti mana yang di-tadbirkan oleh Mahkamah² Tengah atau Magistrate Class 1 dahulu. Di-dalam Mahkamah Shariah, terlalu banyak tanggohan² berbanding dengan Mahkamah Tengah dan Mahkamah Mejisteret. Di-dalam Mahkamah Shariah tidak ada perasaan ngeri dan takut seperti yang boleh di-dapati di-Mahkamah² Tengah dan Mahkamah Mejisteret. Hukuman² di-Mahkamah Shariah tidak berat, umpama-nya bagi Contempt of Court, hukuman-nya ialah \$100 sahaja atau satu bulan jel. Peguam yang bukan dari ugama Islam tidak boleh hadir di-dalam Mahkamah Shariah dan sa-balek-nya peguam² Islam sangat-lah kurang; itu pun ada syarat² pula yang di-dalam undang² Administration of Muslim Law itu, jikalau sa-kira-nya sa-orang peguam hendak hadir di-dalam mana² pembicharaan, kena-lah peguam itu meminta kebenaran terlebih dahulu.

Hukuman Mahkamah Shariah itu tidak boleh di-kuat kuasakan oleh Mahkamah itu sendiri dan kena-lah hukuman itu di-hantar kepada Mejisteret Class 1 supaya di-daftarkan dan dari situ-lah kemudian di-kuat-kuasakan hukuman² itu. Pegawai² yang di-Mahkamah Mejisteret itu-lah yang menjalankan kuat-kuasa hukuman² daripada Mahkamah Shariah. Ini disebabkan di-Mahkamah Shariah tidak ada alat² dan pegawai untuk menguatkuasakan mana² satu hukuman yang di-perbuat di-dalam soal ini. Yang demikian mengikut undang² sekarang, maka sa-orang perempuan Muslim yang mendapat hukuman di-Mahkamah Shariah berma'ana-lah di-tambahkan bebanan dan tanggungan di-atas-nya, kerana dia terpaksa pergi kapada dua Mahkamah. Pertama-nya ka-Mahkamah Shariah dan sa-telah mendapat hukuman di-Mahkamah Shariah itu maka hendak-lah dia pergi kapada

Mahkamah Mejisteret Class 1 untuk di-registerkan hukuman itu dan kemudian di-kuat-kuasakan oleh pegawai² di-dalam Mahkamah Majisteret Class 1 itu.

Yang demikian menjadi bebanan-lah kepada perempuan² Muslim yang mana perempuan² lain daripada perempuan Muslim hanya pergi kepada satu Mahkamah sahaja, sama ada Mahkamah Tengah, atau pun Mahkamah Mejisteret Class 1. Sa-lain dari itu di-dalam Mahkamah Tengah dan Mejisteret Court Class 1 kes sara nafkah atau maintenance ini ada-lah di-anggap sa-bagai satu case quasi criminal kerana perkara tidak mahu membayar sara nafkah kepada isteri dan anak² mereka ada-lah di-anggap sa-bagai satu perkara yang serious dan satu perbuatan yang tidak bertanggung-jawab.

Langkah² yang telah di-perbuat oleh Kerajaan dengan mengadakan undang² yang di-hadapan kita sekarang ini sangat-lah baik-nya. Tetapi memandang kepada kesulitan² dan kekurangan² di-dalam Mahkamah Shariah pada masa sekarang ini tidak-kah boleh Kerajaan Pusat berunding dengan Kerajaan² Negeri di-Malaysia Barat supaya tuntutan² sara nafkah oleh orang² Muslim ini di-buatkan di-dalam Mahkamah Tengah dan Mahkamah Kelas 1 sahaja seperti dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar atas Section 14-dalam Bill ini yang menang-gongkan ka-atas negeri² membuat peratoran² untuk Mahkamah Shariah menguat-kuasakan syarat² Bill ini manakala telah di-jadikan undang² kelak. Tetapi malang-nya pada masa ini ada Mahkamah Shariah belum ada lagi anggota² dan alat² untuk menjalankan kuat-kuasa undang² ini, umpamanya Mahkamah Shariah tidak ada alat² untuk mengeluarkan satu warrant bagi menahan dan menjual harta yang dipunyai oleh pihak yang kena tuntutan itu mengikut Section 13 (3) Bill ini.

Sa-lain dari itu Mahkamah Shariah lazim-nya mengambil pertimbangan sama ada kanak² itu patut di-serah balek kepada bapa atau tidak di-dalam pembicharaan nafkah. Jika emak-nya tidak mahu menyerahkan balek anak itu kepada bapa-nya, atau jika emak-nya

itu tidak mahu balek dudok sa-mula dengan suami-nya, maka perkara ini di-jadikan satu sebab yang tidak mem-bolehkan kanak² itu mendapat sara nafkah, atau pun mendapat sara nafkah yang tidak menchukupi.

Sa-patut-nya, Tuan Yang di-Pertua, sama ada kanak² itu kena tinggal dengan ibu-nya, atau kena tinggal dengan bapa-nya, atau dengan nenek-nya tidak kena-mengena langsung dengan soal nafkah yang di-niatkan di-bawah Undang² Nafkah, tahun 1950 itu. Mukamat-nya bapa-nya kena tanggung nafkah itu dengan tidak dapat tidak walau di-mana pun kanak² itu tinggal. Tetapi, malang-nya pada masa menimbangkan sama ada bapa-nya kena bayar nafkah itu atau tidak, maka Mahkamah Shariah tidak boleh meng-asaskan hukuman-nya di-atas Undang² Sara Nafkah 1950. Mahkamah Shariah terpaksa menggunakan undang² mereka sendiri.

Oleh yang demikian ada kala-nya terjadi-lah perbedzaan di-antara hukuman Mahkamah Shariah dengan hukuman Mahkamah Tengah atau hukuman Mejisteret Class I. Perempuan² dan kanak² yang bukan Muslim boleh mendapat hukuman di-Mahkamah Tengah, atau Mejisteret Class I untuk memak-sakan yang kena tudoh membayar nafkah yang tinggi, tetapi terkadang² nya perempuan² dan kanak² Muslim tidak mendapat hukuman yang sa-rupa itu daripada Mahkamah Shariah, walau pun keadaan kedua² pihak atau pun kedua² perempuan atau kanak² perempuan Islam dan perempuan atau kanak² bukan Islam itu kedudukan-nya samacham, tetapi perempuan orang Islam itu tidak mendapat hukuman sara nafkah daripada Mahkamah Shariah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa soal hal ehwal ugama Islam ada-lah di-dalam kuasa negeri², tetapi memandangkan kuasa mustahak-nya perkara ini dan oleh sebab dahulu pun telah di-jalankan tuntutan² sara hidup nafkah ini di-dalam Mahkamah Tengah dan Mejisteret Kelas Satu, kita berharap Kerajaan Pusat akan mengambil segala ikhtiar memperbaiki soal ini. Dan lagi memandang ada perkara²

yang di-tadbirkan oleh Mahkamah Besar yang boleh di-anggap hal ehwal agama, umpama-nya pentadbiran pesaka, atau pun wasiat² orang Islam. Kedua² ini boleh di-katakan di-bawah agama Islam juga, tetapi pada masa sekarang ini di-tadbirkan oleh Mahkamah Besar, begitu juga perkara yang bersangkutan dengan Nazir Umanah pun di-tadbirkan oleh Mahkamah Besar dan Public Trustee walau pun harta² itu hak orang² Islam. Bahkan jika hendak di-kira betul² kesemua perkara jenayah dan civil boleh di-katakan di-bawah agama Islam. Tetapi jika perkara² ini boleh di-tadbirkan oleh mahkamah² lain dari Mahkamah Syariah, tentu-lah boleh, pada fikiran saya perkara tuntutan sara nafkah ini di-bicarakan oleh Mahkamah Tengah dan Mejisteret Court Class I.

Akhir-nya Tuan Yang di-Pertua, saya suka meminta Kerajaan mengadakan satu anggaran sekatan yang mana kena di-pertimbangkan oleh hakim² pada masa ia menjatuhkan hukum² sa-banyak mana sara nafkah itu yang patut di-bayarkan. Tentu-lah pelek, Tuan Yang di-Pertua, jika dua orang bapa yang keadaan-nya sa-rupa, gaji-nya pun sama banyak, anak-nya pun sama banyak, tanggungan-nya sama banyak, tetapi sa-orang itu di-hukum membayar sa-banyak \$100 kepada sara nafkah anak-nya dan sa-orang lagi di-hukumkan hanya membayar sa-banyak \$25 oleh mahkamah di-tempat lain. Ini tentu-lah tidak adil dan tidak patut. Tetapi oleh sebab tidak ada Jadual Pedoman seperti yang saya katakan tadi, maka tiap² sa-orang mejisteret atau hakim itu tidak mempunyai satu anggaran yang membolehkan mejisteret itu menetapkan banyak mana-kah yang patut di-hukumkan kepada yang kena tuduh itu seperti yang di-sharatkan di-bawah Sekshen 5 (2) Undang² ini.

Jadual Pedoman yang saya chadangkan ini ia-lah seperti yang di-bawah Undang² Land Acquisition Act yang memberi pedoman² dan petua² beberapa banyak imbohan untuk mana² tanah yang di-ambil beli itu. Yang demikian Pegawai Tanah itu terikat dengan pedoman ini dan yang demikian tidak-lah menjadi perbedzaan yang

luas dan besar seperti yang saya sebutkan tadi. Sekian-lah terima kaseh.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka mengingatkan Ahli² Yang Berhormat ia-itu jikalau Ahli² Yang Berhormat telah berchakap dalam perkara ini tidak boleh-lah berchakap lagi sa-kali.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Dato' Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak bertanya kepada Setia-usaha ada-kah Ahli Yang Berhormat ini sudah berchakap atau belum. Kalau belum silalah.

Dato' Dr Haji Megat Khas: Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Rang Undang² (Menguat-kuasakan Nafkah) bagi Isteri² dan Anak² yang telah berpisah daripada suami dan bapa, saya rasa banyak sangat-lah kesulitan yang akan timbul. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyentoh di-atas beberapa kesulitan supaya dapat kita daripada mula-nya dapat kesedaran di-mana kurang-nya, di-mana elok-nya dan di-mana burok-nya.

Pada pendapat saya soalan ini adalah berbahagi atas tiga bahagian. Kerana orang² yang dudok di-dalam negeri kita sa-bagaimana yang telah terma'alum kepada ramai ia-lah bukan sahaja orang yang beragama Islam bahkan juga orang² yang beragama lain² juga, dan bagaimana yang telah di-kemukakan oleh sahabat saya daripada Sungai Patani tadi, bagi orang yang tidak memelok agama Islam, kuat-kuasa jentera yang ada di-mahkamah biasa boleh menjalankan walau sa-kali pun tidak adil pada tempat²-nya sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi pada pehak orang Islam, yang mempunyai hukum² Islam-nya sendiri ia-lah perkara percheraian, atau pun perpisahan itu ada dua tiga macham. Dan sa-bagaimana yang Tuan Yang di-Pertua sendiri ma'alum, kalau sa-kira-nya percheraian di-antara suami dan isteri di-dalam masa tempoh edah-nya, pada hukum agama tentu-lah suami itu menanggungkan sara hidup

bagi isteri-nya sa-bagaimana yang di-fikirkan patut mengikut pendapatannya sendiri. Dan anak² itu sudah tentulah mengikut hukum ugama juga hendak di-beri sara hidup, tetapi sa-bagaimana yang telah di-suarakan tadi, ia-itu jentera dan kuat-kuasa hendak menjalankan hukum² ugama pun tidak ada kapada Mahkamah Shariah pada masa yang sudah², melainkan di-chuai²kan oleh orang yang menanggung hukum. Kemudian walau sa-kali pun mendapat

Tuan Yang di-Pertua: Saya terpaksa lah menahan Ahli Yang Berhormat itu sebab Ahli Yang Berhormat sudah berchakap dahulu perkara ini.

Dato' Dr Haji Megat Khas: Saya berchakap begitu sahaja sa-rupa tentulah

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ucapan itu sudah putus atau sudah di-habis-kan; itu satu ucapan dahulu. Tidak boleh lagi buat dua ucapan di-atas perkara yang sa-rupa. Jadi, sila-lah berhentikan ucapan tuan.

Dato' Dr Haji Megat Khas: Berhentikan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, berhentikan.

Dato' Dr Haji Megat Khas: Ya, baik.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi Rang Undang² (Menguat-kuasakan Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak² ini tidak ada sa-orang yang bersifat adil tidak menerima-nya atau mengalu²kan Rang Undang² ini. Dan Tuan Yang di-Pertua, saya merasa tidak kena-lah pada tempat-nya jikalau Rang Undang² yang sa-bagini penting dan mustahak-nya bagi mengawal kedudukan saraan nafkah perempuan yang bersuami dan kanak² daripada berkahwin itu di-sifatkan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat yang tahu ugama saperti Ahli Yang Berhormat dari Bachok bahawa Rang Undang² ini satu political stunt sahaja. Tidak ada suatu political stunt pun dalam Rang Undang² ini pada pendapat saya, kerana ini ada-lah satu

perkara yang telah di-perjuangkan oleh seluruh kaum wanita di-negara kita ini untuk mendapatkan keadilan bagi saraan nafkah mereka bila berlaku pergaduhan antara mereka suami isteri dan anak², maka saya rasa Rang Undang² ini ia-lah Rang Undang² yang sangat mustahak dan tidak boleh sa-kali² hendak di-chaletkan kapada Rang Undang² ini apa bau politik sa-kali pun.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya hendak sentoh sedikit dalam Rang Undang² ini ia-lah soal susunan bahasa-nya. Saya membacha Rang Undang² ini dalam Bahasa Kebangsaan dan saya membacha dalam bahasa Inggeris. Saya dapati sukar bagi saya hendak memahami kandungan Rang Undang² ini yang di-gubal dalam Bahasa Kebangsaan. Saya berikan contoh, Tuan Yang di-Pertua, dalam Bahasa Kebangsaan, Sekshen 15 di-sebutkan "Pengubahsuaian"—satu perkataan sa-rangkaian "Pengubahsuaian". Saya sa-orang yang telah belajar di-sekolah Melayu dahulu dan telah biasa sangat dengan soal tata bahasa sedikit sa-banyak, berpusing kepala hendak menchari ma'ana "Pengubahsuaian" ini, tetapi saya terpaksa berbalak kapada Rang Undang² bahasa Inggeris-nya, rupa²-nya "Modification". Jadi, saya rasa ini suatu bahasa baharu yang tidak pernah di-gunakan dalam persuratan. Jadi, kalau hendak di-katakan terjemahan-nya yang sesuai dengan bahasa yang di-pakai pada hari ini "penyesuaian" kalau di-katakan "penyesuaian" semua orang boleh mengerti. Tetapi kalau di-katakan "Pengubahsuaian", berputar-lah urat² kepala kita hendak memahami perkataan itu, tidak dapat kita fahamkan juga. Jadi, sekarang segala Rang Undang² dalam Dewan ini di-wajibkan buat di-dalam Bahasa Kebangsaan dan menjadi naskah yang authoritative, maka saya berharap-lah perkara ini dapat diteliti sedikit penggunaan kata²-nya itu supaya tidak berputar-lah urat² kepala Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini tiap² kali hendak membacha naskah di-dalam Bahasa Kebangsaan itu. Saya tidak tahu ada-kah kata² ini mendapat panduan Dewan Bahasa dan

Pustaka atau tidak, atau dengan pengu-lahan daripada pegawai² yang ber-tanggung-jawab dalam Jabatan Undang² sahaja, tetapi saya rasa lebih baik-lah segala kata² yang di-pakai, biar lah kata² yang di-gunakan dalam persu-ratan hari² yang senang dan mudah di-faham.

Saya jumpa lagi satu perkataan dalam undang² ini yang pada mula-nya saya tidak tahu apa maksud yang sa-benar-nya. Dalam Seksyen 4 meng-atakan "Kuasa mahkamah, dalam Section 4, untuk membuat satu pe-rentah tahanan pendapatan-tenaga"—pendapatan-tenaga ini sa-patah perka-taan. Saya belum pernah berjumpa sa-panjang hidup saya membacha per-suratan Melayu perkataan pendapatan-tenaga. Saya balek-lah kepada per-kataan Inggeris-nya yang asal rupa nya *earning*. Jadi, saya rasa daripada kata pendapatan-tenaga, pendapatan sudah chukup, kalau kata *earning* benda yang di-dapati dengan usaha dengan tenaga pendapatan dari pencharian atau sa-bagai perkataan yang tidak memutar urat² kepala untuk memaham kata² yang tersusun dalam Bahasa Kebang-saan itu, Tuan di-Pertua. Jadi, saya berharap-lah di-permudahkan sedikit kata² ini dengan chara² dan pemakaian² yang di-pakai dalam bahasa persuratan yang standard yang berjalan pada masa ini dalam persuratan kita.

Perkara yang ketiga yang saya hendak sentoh, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah soal perlaksanaan undang² ini kepada orang² Islam. Undang² ini hanya boleh di-jalankan kepada orang² Islam jika Dewan² Negeri mengambil butiran undang² ini menjadi Undang² Negeri masing². Maka perkara yang sangat mustahak ia-lah saya sa-bagai Ahli Dewan ini suka-lah merayu kepada semua Dewan² Negeri sa-telah lulus-nya Rang Undang² ini dapat dengan chepat-nya di-ambil dan di-dokong oleh Dewan² Negeri masing² supaya menjadi undang² yang standard kepada seluruh negeri² dalam Malaysia ini. Dan di-samping itu satu perkara yang harus juga di-sebutkan ia-lah bahawa dalam hal ini perlu-lah ada ko-odinasai yang baik antara Kemen-terian Kehakiman dengan Majlis²

Ugama dan Pejabat² Ugama di-seluruh negeri² dalam Malaysia ini supaya sa-berapa banyak perubahan yang baik patut di-lakukan dalam susunan Mah-kamah Syariah yang ada di-tiap² negeri itu supaya keadaan kekurangan² yang di-sebutkan oleh beberapa orang Ahli Dewan ini dapat di-atasi bila Rang Undang² ini di-jalankan kelak oleh tiap² negeri.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² (Menguat-kuasakan Nafkah) Perempuan Bersuami dan kanak² yang ada di-hadapan kita. Dalam saya memberi sokongan ini saya berfikir undang² ini satu undang² yang sangat baik, tetapi saya berasa dukachita sedikit berkenaan menyangkut hal ugama dalam perkara ini. Ada lebih baik undang² ini di-katakan undang² negara, tidak kira apa ugama pun mesti-lah patoh kepada undang² ini. Jadi kita tidak menyangkut-pautkan dengan fahaman ugama, dengan tafsiran ugama yang akan boleh menyebab-kan penghargaan ugama itu akan jatuh, sebab Dewan ini tidak berhak memberi tafsiran dengan hal ugama Islam ini, kerana ini hak Majlis Raja² Persekutu-an. Jadi, saya rasa berkenaan dengan hal ugama Islam ini kepada kita, saya chadangkan tadi supaya menjadi undang² negara ini supaya di-ta'ati oleh semua ugama. Saya shorkan bahawa jika kita hendak memegang kepada undang² Islam, umpama-nya undang² menchuri kalau mengikut undang² ugama Islam hendak-lah di-potong tangan, tetapi sebab benda itu sudah menjadi hak undang² negara, kita hukumkan dengan jel. Jadi, saya rasa ada lebih baik kita jangan sentoh berkenaan dengan hal ugama, ini lebih baik kita katakan undang² ini undang² negara dan semua ra'ayat dalam ini patoh pada undang² yang kita buat ini. Kalau sa-balek-nya pula kita hendak dasarkan kepada faham² ugama, maka saya rasa kita akan merasa kesulitan, kerana dalam negeri kita ini ada banyak ugama; ada ugama Islam, ada ugama Buddha, ada ugama Christian yang masing² itu ada di-punya fahaman-nya, chara² menjalankan pentadbiran

ugama-nya. Dalam ugama Islam, Tuan Yang di-Pertua

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Perkara hal nikah-kahwin ini kepada orang² Islam mereka terikat dengan undang² ugama-nya, maka mahu ta' mahu perkara ini saya rasa barangkali kena serahkan kepada Mahkamah Syariah. Jadi, berlainan dengan penganut² ugama² yang lain. Jadi kalau hendak minta bebaskan begitu, barangkali seruan itu tidak sesuai dengan kedudukan dalam pengertian orang Islam yang berpegang kepada hukum² Islam dalam hal ehwal sahiah, hal ehwal peribadi antara dia dengan isteri dan anak-nya.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud: Saya akan sampai di-situ. Kalau kita hendak berpegang kepada ugama Islam perkataan daripada sini yang mengatakan kita memberi kuasa kepada Dewan² Negeri supaya Mahkamah² Syariah membolehkan membuat undang² ini. Jadi berma'ana hukum² Islam itu di-bawah Parlimen ini. Saya rasa ini tidak sesuai kerana Islam yang tertinggi sa-kali dan segala peratoran dalam Islam semua-nya lengkap dan chukup. Jadi, saya rasa apa yang kita maksudkan, apa yang kita patut melaksanakan segala hukum² yang di-jalankan oleh Mahkamah Syariah negara ini, tidak sa-bagaimana sekarang apa² hukum² yang di-jalankan oleh Mahkamah Syariah tidak di-kuatkuasakan oleh negara ini. Apa yang saya berkehendak sa-bagaimana kehendak daripada saudara saya tadi ia-itu berkenaan anak itu ada bersangkutan dengan nikah kahwin, cherai-berai orang Islam ada lebeh baik kita menerima terus apa² keputusan daripada Mahkamah Syariah di-jalankan oleh Kerajaan, di-jalankan oleh negara ini tidak sa-bagaimana memberi kuasa suroh menjalankan. Ini saya rasa sesuai dengan kehendak saya sebab saya mahu hukuman² yang jatuhkan oleh Mahkamah Syariah itu di-jalankan 100%. Sunggoh pun ada tegoran² barangkali mahkamah ini tidak chukup perkakas pentadbiran dan sa-bagai-nya, saya rasa itu boleh di-jalankan kerana sa-lama ini ada-lah berkenaan dengan Syariah

Islam ini tidak di-ambil oleh kita, Kerajaan kita. Perjalanan-nya kita serahkan kepada mufti² negeri yang kerana kekurangan kewangan dan sa-bagai-nya, kekurangan wang hendak menjalankan keputusan daripada segi ugama Islam tidak dapat di-jalankan. Itu-lah sahaja kelemahan²-nya, tetapi jika kita berkehendakkan satu daripada perkara macham kuatkuasa itu kita terima, kita jalankan. Ini saya rasa tidak ada kesulitan untuk di-laksanakan Rang Undang² yang di-hadapan kita ini, tetapi chuma satu perkataan di-sini yang saya rasa mushkil ia-itu kita memberi kuasa kepada ugama Islam sa-balek-nya kita patut menjalankan kuatkuasa apa yang di-jalankan dan apa yang di-putuskan oleh Syariah Islam itu.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson) (*dengan izin*): In supporting this Bill, Mr Speaker, Sir, I have only one observation to make. As we are aware, many of our young men go abroad and come back to Malaysia with foreign wives, who in due course become Malaysian citizens and it might so happen, unfortunately, that there might be differences and the Court might grant a divorce and the lady might be given maintenance orders. After that, if she so decides, she returns to the country of her origin, leaving the poor husband in Malaya and she goes back to her own country, living happily ever after, perhaps, on the earnings of the husband. I would be happy to see if some provision was made, so that she, having become a Malaysian by virtue of her marriage to a Malaysian, could continue to be in Malaysia and would not leave the country unless her husband so approved, so that we would know that she continues to be in Malaysia and she continues to live and abide by the laws of the country. If that provision was made, I think it would make the Bill a better one than as it stands now.

Dr Tan Chee Khoon (Batu) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, listening to the previous speakers, if I may use a Churchillian phrase, "it must warm the cockles of the heart" of the Minister of Justice that in a Chamber of 144,

of which only three are members of the female sex, the males in this Chamber have unstintedly supported this Bill.

As the Member for Bachok has stated just now, it is very much a man's world in Malaysia, and it is very heartening to see that the male of the *homo sapiens* has thought to dwell on the sufferings of the female of the *homo sapiens* in the event of a divorce or a desertion on the part of the male leaving the female and, worse still, the children to fend for themselves.

It is heartening to see that this Bill now makes it very clear that the method in which the earnings of the man can be attached or appropriated by the courts in order that he should fulfil the maintenance order or whatever order that the Court has made in respect of the maintenance of his wife and children. We are aware that in this country not only amongst the Muslims but also amongst the non-Muslims, very often the man gets a little tired of his spouse and leaves the spouse, and very often the spouse has no legal redress.

I presume that this Bill only applies to people who are married before the Registrar of Marriages or whose marriage is legally recognised by the courts of law. I refer to the many marriages that take place amongst the Chinese who go through a form of Chinese marriage, where they take a photograph, have a dinner, invite friends and that is a recognised form of marriage amongst the Chinese, and I believe amongst the Hindus too that is a recognised form of marriage. It is regrettable that in this Bill no cognizance is taken of such types of traditional marriages. I do hope that the Minister of Justice at a later date, will think of a suitable legislation to protect the women, who go through such a traditional form of marriage and who, if they are deserted by their husbands, have no legal redress, and we do know that the need amongst these people who have been neglected or deserted by the husbands is very great.

As one reads through the Bill, one sees that regrettably there is no cognizance of the difficulties that the wife may find in order to get a maintenance order from the husband, or to get a divorce in the first place and, if a divorce is granted, to get a maintenance order from the husband. It only says that if a maintenance order is made by a court of law, then the husband will have to fulfil the obligations imposed by the law, but it does not take into consideration how the poor wife in the first place can get a divorce and having got a divorce can go about to claim maintenance. Here, I do hope that the Minister of Justice will bring forth this long awaited legal aid for the needy because, if there is such a legal aid for the needy, then the poor wife, who has been deserted by the husband, can go to such a Legal Aid Bureau and seek legal advice as to how she can, in the first place, obtain a divorce and, in the second place, go about claiming maintenance from the husband.

I am particularly glad that the Muslim Members of this Chamber have gone further than what the Government has intended. For example, the Member for Bachok and I think the Member for Sungai Patani have stated why this Bill should only apply to non-Muslims and the Muslims, if they want to get redress, should have to go through the various State Councils and get the various State Councils to authorise the Shariah Court to impose the legal obligations that are imposed by the ordinary courts of law in this country. It strikes me particularly that for the Muslims to say such a thing, it means that the rights of the women in this country are recognised; in the words of the Minister of Finance to have multiple wives is a luxury that the Government does not recognise in terms of rebate for income tax purposes. Now, I do hope that at a later date maybe the Minister of Justice will find his way into seeing that the provisions of this Bill are applied to all irrespective of race, colour or creed as, I presume, is the intention of the Member for Bachok

when he said that the Muslims, where the provision of this Bill are concerned, should also be subjected to the judgment of the ordinary courts of law in this country.

Now, I am glad to say that in the Selangor State Council, at a meeting last year, has already passed a resolution that the Shariah Court will be empowered to impose penalties on the recalcitrant husbands who having been asked to pay maintenance to the ex-wife by a Shariah Court have nevertheless defied the Shariah Court. I do hope that the Minister of Justice, even after the various State Legislatures have authorised the application of the provisions of this Bill into maintenance order made by the Shariah Court, will find ways and means to strengthen the Shariah Court, so that the penalties imposed by the Shariah Court can be carried out in a manner that is laid down in this Bill.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong) (*dengan izin*): Sir, I feel that the passage of this Bill will be an important landmark, despite its long delay. However, Sir, I am quite sure that the Government is well aware that the provisions of this Bill do not completely cover all the difficulties that are met by wives who have been divorced and who require maintenance.

Sir, this particular Bill refers only to the enforcing of orders of maintenance in so far as employees are concerned. I am sure, Sir, that there are quite a big group of people in this country who do not come under the classification of an "employee" but who probably can better afford the indiscretions leading to maintenance orders. Sir, I hope that the Government will seriously consider, at some subsequent date, providing for effective methods of enforcing orders of maintenance in all cases irrespective of only of employees, and that cases that are brought up and cases where wives who have orders of maintenance can have a method of appeal to somebody, who can then refer the matter to bodies provided for to have enforcement of maintenance applied.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub (*dengan izin*): Tuan Yang Dipertua, I wish to thank all the Honourable Members who have fully supported this Bill. May I explain at the outset, Mr Speaker, Sir, that this Bill does not deal with the question of the validity or otherwise of any marriage, neither does this Bill purport to make provisions with respect to how a wife or wives can obtain maintenance from her or their husbands. It deals simply with how to enforce maintenance orders already made by a competent court.

I agree with many Honourable Members that our present legislations with respect to marriages, divorce, maintenance, and so on, need to be studied. A new Bill needs to be drafted, but it will take a long time to look into these provisions, because the laws are complicated and I, personally, do not quite favour a piece-meal approach to solve these legal difficulties. I would like to see that this question of marriage laws, the question of divorce and so forth, not only in respect of West Malaysia but also covering the whole of Malaysia, will be studied very carefully by our legal boys and then we will submit whatever proposals they have to the Government. I cannot promise that such proposed legislation will be introduced in the very near future because when one touches on this sort of question, one has got to be very, very cautious. One needs only to study the English law in this respect to realize that it took England very many years to modify, change or amend their marriage laws, and so forth. It is true, as I said just now, this Bill makes no provisions as to how wives can get divorce. This is covered by other Ordinances already.

With respect to traditional marriages, I agree with the Honourable Member for Batu. I have attended some of them personally (my wife's cousins got married according to Chinese traditional ways and so forth), but I am not very familiar, I must admit, with the situation in West Malaysia with respect to that type of marriage. But as far as the laws in East Malaysia are concerned, only those marriages which

are registered by what we call the Kapitan² China will be recognised by the courts. It does not mean that they will have to utter the solemn words in front of the Registrar. What they need to prove to the Registrar will be that they have entered with a form of marriage recognised by the Chinese customary laws. However, be that as it may, I will look into that problem. That much I can promise the Honourable Member.

The Honourable Member for Tanjong also touched on the question of cases of wives seeking maintenance. My reply to him is the same. I cannot really think of cases where the question of attachment of earnings can be applied if the defendants in question are not employees of certain employers. If he is a self-employed man, for example, he has got his legal practice or medical practice, like the Honourable Member for Batu, or the Honourable Member for Tanjong, who are not employed by other people, how are we going to enforce the maintenance orders that may be made against people in that category by resorting to this? It is not possible. The only way is to resort to other forms of remedy, for example, fines, if they fail to comply with the court's order; the court has got the power to send them to prison for contempt of court. That is a very serious offence, and we have got provisions in our law to that effect.

The Honourable Member for Port Dickson wants the Government to make provisions in this Bill to prevent wives, who are brought over from, say, Australia, England, Italy or Spain to Kuala Lumpur or to Port Dickson, got married to Malaysians and became Malaysians and after that got a divorce, from leaving Malaysia. I am afraid I cannot agree with that type of legislation. I feel that wives who have been divorced, let alone those from foreign countries, even wives in this country, born Malaysians, Malaysians by virtue of operations of law, we cannot prevent them from leaving our country unless we know that they want to go and serve as agents, as spies, in foreign countries. If they want to leave Malaysia, for

example, to seek employment somewhere else, I do not think it is right for us to prevent such people.

Berkenaan dengan tegoran Ahli Yang Berhormat dari Bachok, nampak-nya, hujjah² daripada Ahli Yang Berhormat itu lebeh memperkuatkan lagi kelulusan Rang Undang² ini di-dalam Dewan ini daripada memperkuatkan chadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya Rang Undang² ini di-serah untuk di-kaji oleh Select Committee. Hujjah² yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat itu yang berkata dari beberapa Undang², sa-orang suami yang telah chuai daripada mengikut hukuman Mahkamah untuk membayarkan nafkah yang di-tentukan oleh Mahkamah kepada isteri, chuma di-anggap saperti di-Pulau Pinang sa-bagai minor offences sahaja. Jadi, hujjah² ini memperkuatkan Rang Undang² ini dalam erti kata dengan ada-nya Rang Undang² ini, kita boleh lupa kepada minor offences itu. Si-isteri boleh pergi ka-mahkamah meminta hukuman supaya gaji-nya dipotong. Bagini-lah kita rasa kebaikannya Rang Undang² ini tidak perlu lagi si-isteri itu tiap² kali si-suami tidak membayar belanja pada tiap² bulan, dia terpaksa mengadukan kepada Mahkamah. Apabila dia dapat hukuman daripada mahkamah yang berkenaan saperti yang tersebut di-dalam Rang Undang² ini kelak, maka satu order daripada Mahkamah itu kepada pehak majikan² boleh menjamin bahawa si-isteri itu akan mendapat nafkah-nya tiap² bulan sa-lagi yang kena da'awa itu, yang kena tudoh itu bekerja dengan majikan yang berkenaan itu.

Berkenaan dengan hujjah² yang lain itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak kena-mengena langsung dengan masaalah untuk menguatkan perentah² nafkah. Undang² yang di-sebut oleh Ahli Yang Berhormat itu yang kata-nya Undang² ini di-buat di-England; itu tidak betul. Undang² itu di-buat di-sini, tetapi oleh kerana negara kita pada masa itu dikuasai oleh pehak British, mengikut Perlembagaan-nya mesti-lah di-benarkan di-England. Undang² ini sendiri menyatakan di-sini dengan nama-nya, jikalau Ahli Yang Berhormat itu betul² tahu masaalah undang² "Married

Woman dan Children Maintenance Ordinance, 1950". Di-England tidak menggunakan perkataan Ordinance—menggunakan perkataan Divorce Act, 1952. Kalau di-England, Divorce Act, bukan Ordinance. Ini semua undang² ini di-buat dalam negeri ini dan meliputi orang² dalam negeri ini bukan sahaja orang² Inggeris, orang² yang datang daripada luar negeri. Saya tidak mahu-lah hendak membuang masa untuk menjawab hujjah² daripada beliau yang tidak kena-mengena dengan masalah pokok ya'ani bagaimana chara kita menguat-kuasakan hukuman yang telah di-jatuhkan oleh Mahkamah mengenai nafkah sa-orang isteri itu. Ini dia masaalah pokok yang di-sentoh di-dalam Rang Undang² ini. Jadi, chadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya Rang Undang² ini di-rojok kepada Select Committee, saya tidak dapat menerima-nya.

Masaalah pembicharaan di-dalam bilek tutup, itu pun tidak di-sentoh dalam Rang Undang² ini, chuma saya suka menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu ada-lah di-dalam beberapa perkara mengenai suami isteri dalam mana mahkamah berkuasa mengeluarkan satu perintah supaya orang² luar, orang ramai tidak di-benarkan mendengar sa-masa pembicharaan itu di-jalankan. Ada beberapa sebab harus perkara itu di-fikirkan rahsia yang akan menyentoh masaalah keadilan, jikalau orang ramai itu diberi peluang untuk mendengar, atau pun menjaga satu daripada kepentingan anak, suami dan isteri yang berkenaan itu, tetapi daripada segi Maintenance Orders memang biasa sa-orang isteri pergi di-mahkamah, dan mahkamah itu biasa terbuka kepada orang ramai. Tetapi jikalau bersangkut dalam masaalah anak dan perkara² yang lain² lagi, maka mahkamah itu berhak memberi perintah supaya orang ramai tidak hadir di-dalam Mahkamah itu, ya'ani pembicharaan itu di-jalankan *in the Chambers*, atau pun *in camera* dan bukan *open court*. Ini bukan perkara yang biasa berlaku di-mana² negara pun ada.

Saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kebanyakan undang² kita yang lama ini patut kita mansokh,

patut kita ganti dengan undang² yang baharu, tetapi ini mengambil masa. Kita mempunyai sa-orang Commissioner of Law Revision yang sedang menhuba untuk menyatukan, atau pun memperbaiki undang² yang telah lama bagi menyusun sa-mula undang² yang telah lama, sambil itu pula dalam tiap² Dewan ini mithal-nya dalam meshuarat ini beberapa Rang Undang² terpaksa kita buatkan, kita sediakan, tetapi pegawai² di-dalam Jabatan Peguam Negara itu sangat berkurangan. Jadi, itu-lah sebab-nya, satu daripada sebab-nya yang besar, maka Rang Undang² yang lama yang kita mahu ubahkan, menyesuaikan dengan keadaan yang ada sekarang. Ada beberapa undang² itu tidak sempat hendak kita buatkan dengan sa-berapa chepat yang mungkin. Mengenai masaalah perempuan² Islam, anak² Islam yang tidak bernasib baik di-tinggalkan oleh ayah mereka dan tidak mendapat nafkah. Bagi pehak Kementerian, saya memang suka melihat saperti juga Ahli² Yang Berhormat semua dalam Dewan ini, mereka ini menerima layanan yang sama di-bawah satu undang² negara saperti yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Temerloh tadi. Tetapi, kita terpaksa patoh kepada Perlembagaan. Di-bawah Perlembagaan masaalah saperti ini terpaksa di-serah 100 peratus kepada Raja² kita dan kepada Kerajaan Negeri. Dewan kita tidak berkuasa membuat satu undang² meliputi nafkah yang saperti ini berthabit dengan orang² Islam, chuma sa-takat yang kita boleh buat ia-lah menunjukkan jalan membuat tauladan kepada Kerajaan Negeri saperti yang kita chuba buat di-dalam Rang Undang² ini di-bawah Fasal 14. Saya sendiri memang berharap sa-bagai langkah pertama supaya semua Kerajaan² Negeri dalam Malaysia ini boleh menerima Rang Undang² ini, boleh menerima chadangan yang terkandung di-dalam Fasal 14 di-dalam Rang Undang² ini. Saya tidak-lah berkata bahawa apabila mereka menerima akan chadangan ini segala² masaalah mengenai orang² Islam, perempuan² Islam, dan anak² mereka akan dapat di-selesaikan, tetapi sa-takat untuk menguat-kuasakan keputusan mahkamah

Shariah memberi nafkah kepada isteri, Rang Undang² yang kita binchangkan sekarang ini, saya rasa boleh men-chukupi.

Tafsir fasal 14 Rang Undang² ini, Tuan Yang di-Pertua, saya perlu memberi penjelasan sedikit, ia-itu menurut Fasal 76 (A) di-dalam Perlembagaan kita, Dewan ini berkuasa memberi kuasa kepada Majlis Perundangan Negeri untuk membuat satu undang² yang biasa-nya di-kuasakan oleh Kerajaan Pusat, atau pun oleh Federal, ia-itu di-bawah Federal List. Ini-lah sahaja yang kita buat di-sini, ia-itu kita menyerahkan kepada Kerajaan Negeri supaya mereka membuat satu undang² yang boleh menerima sistem untuk menguat-kuasakan hukuman² untuk memberi nafkah kepada isteri seperti yang tersebut di-dalam Rang Undang² ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan kata², ia-itu Dewan kita ini berkuasa memberi kuasa kepada Majlis Undangan Negeri membuat undang², tetapi sa-belum daripada itu

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak suka Ahli Yang Berhormat membuat ucapan. Tadi, Tuan hendakkan penjelasan. Minta apa² yang tidak mengerti supaya di-terangkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam menerangkan Section 14 Yang Berhormat Menteri ini

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah buat ucapan; terangkan dan tanya sahaja apa yang tidak terang.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Mesti-lah hendak di-beri introduction-nya, kalau tidak bagaimana hendak tanya pula? Saya pun tidak tahu hendak chakap seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak tahu hendak berchakap, tidak payahlah!

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Saya hendak tanya bagaimana, Tuan, dalam menerangkan Fasal 14 ini Men-

teri kita mengatakan kita memberi kuasa kepada Majlis Undangan Negeri, tetapi sa-belum daripada itu Menteri kita terpaksa mematohi Perlembagaan. Jadi, yang mana satu yang betul diantara dua itu?

Dato' Haji Abdul-Rahman bin

Ya'kub: Ini-lah penyakit dia orang PAS ini yang ada undang² B.L. dalam bereket (FAIL) daripada Nilam Puri. Kalau rakan saya Ahli Yang Berhormat itu membaca Fasal 76 (A) dalam Perlembagaan, baharu-lah dia dapat mengerti perchakapan saya yang sa-benar-nya. Jadi, kalau dia mahu, saya memberi penjelasan yang jelas kepada dia dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, sila-lah jumpa saya besok, saya boleh memuaskan hati dia dengan sa-berapa banyak yang boleh.

Tegoran daripada rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara, kalau saya tidak salah, ber-hubong dengan bahasa rasmi yang di-gunakan bagi menggubal undang² ini, payah dia mengerti, dan sa-terus-nya, mithalan-nya perkataan "Peng-ubahsuaian", dia tidak pernah mendengar perkataan yang seperti ini patut-lah kita menggunakan menurut Ahli Yang Berhormat itu perkataan yang biasa di-gunakan sa-tiap hari. Ini-lah penyakit yang besar, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang tuan ma'alum, sedangkan bahasa Inggeris sendiri pun apabila menyentuh bahasa undang² itu, orang biasa yang tidak mahir yang tidak pernah belajar undang² sukar sunggoh hendak meng-erti. Jangankan lagi apabila kita menggunakan bahasa rasmi, Bahasa Kebangsaan kita yang baru berumur. Dalam masaalah menggubal Rang Undang² ini tidak sampai sa-tahun pun, tetapi walau pun satu perkataan itu tidak pernah di-dengar dahulu, bukan bererti kita tidak patut membuat satu perkataan yang baharu yang boleh di-gunakan di-masa yang akan datang, mithal-nya, dahulu saya tidak pernah dengar perkataan "jejambat", tetapi sekarang kita dengar apa dia perkataan "jejambat" sama ada Ahli Yang Berhormat dari Bachok mengerti atau tidak; ini kita telah ada sekarang Dewan Bahasa mengkoinkan (coin) membuat

satu perkataan² yang baharu di-dalam loghat Melayu, dahulu tidak ada. Dari-pada meminjam perkataan Arab, atau pun perkataan Inggeris, dan sa-terus-nya, asalkan sahaja kita rasa di-masa yang akan datang kelak perkataan itu boleh kita gunakan. Saya mengaku bahawa di-dalam Rang Undang² ini dalam Bahasa Rasmi banyak perkataan² yang baharu, tetapi peng-gubal²-nya telah chuba memberi takrif ma'ana sa-bagaimana yang terkandung di-dalam Fasal 3 di-dalam Rang Undang² ini. Mithal-nya, perkataan "pendapatan-tenaga", ada tafsir-nya. Mithal-nya, perkataan tenaga ada tidak ris-nya. Jadi, saya rasa jikalau tidak ris itu di-bacha kita boleh dapat-lah mengerti. Jadi, hujah² Ahli Yang Berhormat itu kita dapat faham sekarang bahawa dalam masaalah menggubal undang² ini saya tidak dapat sama sa-kali menjamin bahawa chuma perkataan sa-tiap hari sahaja yang pernah di-pakai dahulu sahaja yang boleh kita gunakan di-dalam Rang Undang², kerana saya rasa untuk memperkayakan bahasa kita, kita terpaksa meminjam beberapa perkataan yang lain sedangkan bahasa Inggeris sendiri pun apabila datang kepada masaalah undang² itu banyak meminjam daripada bahasa Pranchis, meminjam daripada bahasa Latin dan sa-terus-nya.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Melaka Selatan di-dalam perbincangan beberapa minggu dahulu telah bertanya kenapa Rang Undang² di-gunakan perkataan Negeri² Tanah Melayu di-dalam Fasal 2 tidak menggunakan perkataan Malaysia Barat. Jawab-nya perkataan ini ada terkandung di-dalam Perlembagaan kita dan untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat itu di-bawah Undang² Tafsiran atau Interpretation Act, 1967, jika perkataan Malaysia Barat di-gunakan dalam undang², maka ini berm'a-lah perkataan Negeri² Tanah Melayu.

Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak, Yang Berhormat Tuan Stephen Yong telah berpendapat bahawa di-Sarawak tidak ada machinery dengan mana mahkamah boleh melaksanakan untuk membolehkan si-

penuntut, atau pun anak²-nya menerima wang, sungguh pun perentah nafkah telah di-keluarkan. Ahli Yang Berhormat itu minta Rang Undang² ini di-kuat-kuasakan di-Malaysia Timor.

Tuan Yang di-Pertua, Criminal Procedure Code, Sarawak (Chapter 58), yang baharu di-ishtiharkan sa-bagai satu Undang² Federal atau undang² Persekutuan tidak mengandongi peruntukan berkenaan dengan nafkah, tetapi di-dalam revised edition of the Laws Ordinance, 1956, bagi negeri Sarawak, negeri Sarawak telah men-chabutkan peruntukan terus daripada Criminal Procedure Code, Sarawak, yang lama di-masokkan ka-dalam Jadual Ordinance yang tersebut. Dan mengikut Sekshen 5 Ordinance itu, peruntukan nafkah maseh berkuat-kuasa sa-bagai Omitted Provision daripada Criminal Procedure Code yang baharu.

Tujuan Jadual Ordinance tersebut ia-lah untuk bagi sementara waktu sahaja sa-belum undang² yang berkenaan di-buat bagi negeri Sarawak, tetapi nampak-nya negeri Sarawak tidak membuat apa² undang² berkenaan dengan nafkah sampai pada masa ini sa-lain daripada undang² saperti yang berikut.

Sarawak dalam Matrimonial Causes Ordinance (Chapter 94), ia-itu berupa sa-bagai Interim Orders di-bawah Sekshen 14 sa-lepas perentah bercherai, atau berpisah dan juga mengikut The Application of Laws Ordinance (Chapter 2) ia-itu undang² berkuat-kuasa di-England pada 12hb Disember, 1949, berkuat-kuasa juga di-Sarawak.

The Maintenance Orders Reciprocal Enforcement Ordinance (Chapter 50), yang sa-rupa dengan Maintenance Orders Facility for Enforcement Ordinance, 1949, Negeri² Tanah Melayu ada juga mempunyai kuat-kuasa. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, nampak-lah bahawa keadaan undang² berkenaan dengan nafkah di-negeri Sarawak bukan-lah boleh di-atasi dengan meluaskan pemakaian Rang Undang² yang sedang di-bahathkan sekarang ini.

Berkenaan Jabatan Peguam Negara akan mengkaji lagi masaalah ini dan

saya harap di-masa yang akan datang sa-telah beberapa masaalah lain mengenai perkahwinan dan percheriaan dapat di-selesaikan. Saya memang berharap bahawa Rang Undang² ini dapat meliputi negeri Sarawak dan negeri Sabah.

Demikian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya dan saya mengucapkan beribu² terima kaseh atas sokongan semua Ahli² Yang Berhormat kapada Rang Undang² ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal² 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Fasal 3—

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan pindaan kapada Fasal 3, saperti yang berikut ia-itu ta'arif "mahkamah" menurut kertas edaran yang telah di-bagikan kapada Ahli² Yang Berhormat sakalian:

Fasal 3—Gantikan ta'arif "mahkamah" dengan ta'arif yang berikut—

"'mahkamah' erti-nya mahkamah yang layak membuat suatu perentah nafkah."

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan dan di-setujukan.

Fasal 3 yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Fasal 4—

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan pindaan kapada Fasal 4 dengan memotong perkataan² "yang

membuat atau yang telah membuat satu perentah nafkah" yang ada didalam Fasal 4 saperti yang tersebut di-dalam kertas pindaan.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Fasal 4 yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Fasal² 5 dan 6 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Fasal 7—

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan kapada cheraian 4 bagi Fasal 7 saperti yang terkandung dalam kertas pindaan:

Fasal 7: Gantikan 7 (4) dengan berikut—

"(4) Jika orang yang bagi-nya suatu perentah tahanan pendapatan-tenaga di-arahkan telah, dalam tempoh sa-bulan yang akhir sa-belum hari perentah itu disampaikan kapada-nya, tidak pada bila² masa jua menjadi majikan pehak kena tuntut itu, ia hendak-lah dengan serta merta memberi notis bertulis menyatakan demikian itu dengan borang yang di-tetapkan kapada mahkamah."

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan dan di-setujukan. Fasal 7 yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Fasal² 8 hingga 15 di-perentah menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

PENANGGOHAN

(USUL)

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I beg to move that further consideration of the business before the House be deferred and that the House be now adjourned.

As Honourable Members may be aware, we have only a few minutes

before ten o'clock when we are supposed to adjourn, and the next item on the Order Paper happens to be the Banking (Amendment) Bill, I will take some time. In fact, my own speech alone will take about half an hour, and I suggest that it will be more satisfactory for this item to be taken tomorrow morning.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa perbincangan sa-lanjut-nya mengenai urusan yang ada di-hadapan Majlis ini di-tempohkan dan Majlis ini di-tanggohkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis Mesuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi besok.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 9.40 malam.